ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
70 TAHUN 1956-2026
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DAN sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah untuk membela dan menegakkan Islam, nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur. Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian ia mati dalam perjalanan hijrahnya, maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah dan ingatlah Allah Maha Pengampun Lagi Maha Mengasihi".**

**Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah An Nisaa', ayat 100.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.34 | SUBUH 4.44 | SYURUK 6.09 | DUHA 6.33 | ZUHUR 12.22 | ASAR 3.48 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.49
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 71 | 15 JUN 2026 / 1447 ذوالحجه 28 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# KEBAWAH DYMM AKAN MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK KOMEMORATIF ASEAN-RUSIA

35
RUSSIA—ASEAN
35 YEARS OF COOPERATION
KAZAN 2026

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 14 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia pada 17 hingga 18 Jun 2026 di Kazan, Persekutuan Rusia.

>> Muka 3




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Perjumpaan Dua Hala dengan Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin di Radisson Blu Resort and Congress Centre, Sochi pada 19 Mei 2016.**

# Raptai penuh pastikan kelancaran majlis

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 13 Jun. - Bagi memastikan kelancaran Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun 1447 Hijrah dan Awal Tahun 1448 Hijrah Peringkat Negara, satu raptai penuh telah diadakan pagi tadi di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir bagi menyaksikan raptai tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah.

>> Muka 4

# Kerjasama holistik tangani penyakit denggi

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 15 Jun. - 15 Jun merupakan Hari Denggi ASEAN, yang disambut setiap tahun sebagai usaha bersama negara-negara ASEAN untuk meningkatkan kesedaran dan menekankan kepentingan menangani beban penyakit denggi dengan kerjasama orang ramai, mengukuhkan kapasiti, dan menggalakkan tindakan kolektif pihak-pihak berkepentingan bagi mengurangkan jangkitan penyakit denggi.

Pada tahun ini, Sambutan Hari Denggi ASEAN membawa tema 'ASEAN Bersatu: Tiada Kematian Denggi - Masa Depan yang Kita Bina Bersama Menjelang 2030' (ASEAN United: Zero Dengue Deaths - A Future We Build Together By 2030), yang memfokuskan kepada peningkatan kesedaran dan pengukuhan kerjasama serta tindakan bersepadu semua pihak.

Perkara berkenaan diterangkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Sambutan Hari Denggi ASEAN 2026.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya menerangkan bahawa pendekatan bersepadu yang mampan, disokong oleh pengawasan penyakit denggi yang proaktif, pengurusan vektor nyamuk secara menyeluruh, serta penglibatan aktif semua pihak berkepentingan termasuk masyarakat, di samping tindak balas yang pantas dan berkesan, merupakan elemen penting dalam memperkukuhkan pengurusan, pencegahan dan kawalan penyakit denggi secara berkesan dan berkekalan di seluruh Negara Anggota ASEAN.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



**BELIA merupakan penggerak masa depan negara**

Muka 5



**PROGRAM Sua Muka eratkan hubungan rakyat dengan kerajaan**

Muka 7



**USAHA memperkukuh motivasi, pembangunan akademik, sahsiah pelajar**

Muka 12



RENCANA

**PAMERAN interaktif warnai Simposium Seni Bina Islam 2026**

Muka 21

Pelita Brunei

# Kepimpinan berintegriti tonggak kecemerlangan Perkhidmatan Awam

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,**
**Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Ambiae Mursaleen,**
**Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

**ALHAMDULILLAH**, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat berkumpul pada hari ini bagi meraikan Majlis Penyampaian Sijil bagi program-program di bawah Civil Service Leadership Pipeline (CSLP).

Peramba / saya terlebih dahulu sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Institut Perkhidmatan Awam di atas komitmen berterusan dalam memperkukuhkan pembangunan kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam melalui program seperti EDPSGO, EDPMMO dan YEP. Program-program ini merupakan usaha strategik kerajaan untuk memastikan Perkhidmatan Awam sentiasa mempunyai barisan pemimpin yang kompeten, berintegriti dan berpandangan jauh.

Pada kesempatan ini, peramba / saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua peserta yang telah berjaya menamatkan program masing-masing. Pada hari ini kita meraikan para peserta daripada tiga peringkat kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam iaitu Pegawai Kanan Kerajaan, Pegawai Pengurusan Pertengahan dan Pegawai Eksekutif Muda. Ketiga-tiga peringkat ini bukan sahaja mencerminkan perkembangan kerjaya dalam Perkhidmatan Awam, malah melambangkan kesinambungan kepimpinan yang akan menentukan hala tuju pentadbiran negara pada masa hadapan.

Tidak dapat disangkalkan lagi, bahawa ketiga-tiga Program Pembangunan Kepimpinan EDPSGO, EDPMMO dan YEP ini mempunyai sinergi kepimpinannya yang tersendiri. Pegawai muda membawa tenaga, idea dan perspektif baharu. Pegawai peringkat pertengahan pula memainkan peranan penting dalam menggerakkan pelaksanaan dasar serta menyelaras operasi organisasi sesuai dengan pendedahan, pengalaman dan pengetahuan diperolehi dan dilaburkan di dalam perkhidmatan.

Manakala pegawai kanan di peringkat ketua / timbalan ketua jabatan adalah bertanggungjawab bagi menentukan arah strategik serta memastikan dasar dan inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilaksanakan dengan efisien dan berkesan. Gabungan kekuatan tiga generasi kepimpinan ini amat penting dalam memastikan Perkhidmatan Awam terus kekal relevan, berdaya saing dan mampu memenuhi keperluan negara dengan cabaran-cabaran yang semakin kompleks.

Kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam bukan sekadar berkaitan jawatan atau kedudukan. Ia merupakan satu amanah besar untuk memimpin perubahan, membimbing warga organisasi, serta memastikan setiap dasar dan perkhidmatan kerajaan memberi manfaat yang sebenar dan berpanjangan kepada rakyat dan negara.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, amanah kepimpinan ini juga perlu dilaksanakan berlandaskan nilai-nilai Islam dan prinsip Maqasid Syariah, iaitu memastikan setiap usaha pembangunan negara sentiasa memelihara kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Prinsip ini menekankan bahawa setiap dasar, perkhidmatan dan keputusan pentadbiran hendaklah menjurus kepada kesejahteraan masyarakat serta kemaslahatan negara secara menyeluruh.

Seiring dengan itu, negara kita kini semakin hampir melangkah ke arah Wawasan Brunei 2035, yang menyasarkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, kualiti kehidupan yang tinggi, serta ekonomi yang dinamik dan mampan. Dalam usaha mencapai wawasan ini, Perkhidmatan Awam memainkan peranan yang amat penting sebagai jentera penggerak utama dasar dan pelaksanaan pembangunan negara. Semua ini menuntut sebuah Perkhidmatan Awam yang cekap, responsif, berorientasikan rakyat dan sentiasa bersedia menyesuaikan diri dengan perubahan semasa sambil mengekalkan nilai-nilai teras Islam dan prinsip Maqasid Syariah.

Dunia hari ini sedang mengalami perubahan yang sangat pantas. Perkembangan teknologi digital, Kecerdasan Buatan (Aritificial Intelligence - AI), ekonomi berasaskan pengetahuan serta cabaran global yang semakin kompleks menuntut pendekatan pentadbiran yang lebih tangkas dan inovatif. Oleh itu, Perkhidmatan Awam tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada pendekatan tradisional. Sebaliknya, kita perlu tangkas dan berani berfikir secara strategik, menggalakkan inovasi dalam organisasi, serta memperbaharui kaedah penyampaian perkhidmatan agar lebih cekap, mudah diakses dan memberi nilai tambah kepada orang ramai.



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Bagi Peserta-peserta Program Pembangunan Eksekutif Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) pada Khamis, 7 Mei 2026 yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.**

>> Muka 10

## Waktu Sembahyang

| JUN MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15 | ISNIN | 28 | 4.34 | 4.44 | 6.09 | 6.33 | 12.22 | 3.48 | 6.33 | 7.49 |
| 16 | SELASA | 29 | 4.34 | 4.44 | 6.09 | 6.33 | 12.22 | 3.48 | 6.33 | 7.49 |
| 17 | RABU | 1 MUHARAM | 4.34 | 4.44 | 6.09 | 6.33 | 12.22 | 3.48 | 6.33 | 7.49 |
| 18 | KHAMIS | 2 | 4.34 | 4.44 | 6.09 | 6.33 | 12.22 | 3.48 | 6.33 | 7.49 |
| 19 | JUMAAT | 3 | 4.34 | 4.44 | 6.09 | 6.34 | 12.23 | 3.49 | 6.34 | 7.50 |
| 20 | SABTU | 4 | 4.35 | 4.45 | 6.10 | 6.34 | 12.23 | 3.49 | 6.34 | 7.50 |
| 21 | AHAD | 5 | 4.35 | 4.45 | 6.10 | 6.34 | 12.23 | 3.49 | 6.34 | 7.50 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## Ramalan Cuaca 3 Hari

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## Sidang Pengarang

15 JUN 2026

# 'Lakastah' kitar semula

**ISU** sampah menjadikan kitar semula satu keperluan yang penting. Jumlah sampah yang semakin meningkat boleh menyebabkan pelbagai masalah seperti pencemaran alam sekitar, tapak pelupusan yang penuh, pencemaran sungai dan laut, serta risiko kepada kesihatan manusia.

Dalam menangani hal ini, kita boleh membantu negara dalam kitar semula melalui tindakan harian yang kecil tetapi memberi kesan besar apabila dilakukan secara meluas. Misalnya mengasingkan sisa di rumah seperti memisahkan kertas, plastik, kaca, logam dan sisa makanan sebelum dibuang. Ini memudahkan proses kitar semula dan mengurangkan pencemaran bahan kitar semula. Selain itu dengan mengamalkan konsep 3R iaitu Reduce (Kurangkan) : Kurangkan penggunaan barang sekali guna seperti beg plastik dan botol air pakai buang. Reuse (Guna semula) : Gunakan semula bekas, beg, dan barangan yang masih elok. Recycle (Kitar semula) : Hantar bahan yang boleh dikitar semula ke pusat pengumpulan akan menjadikan proses kitar semula lebih mudah.

Galakkan ahli keluarga dan rakan-rakan untuk turut serta dalam kempen kitar semula. Selain itu kongsi maklumat tentang kepentingan kitar semula melalui media sosial atau aktiviti komuniti. Apa yang lebih penting lagi didik kanak-kanak *kitani* tentang penjagaan alam sekitar sejak kecil.

Usaha ini memerlukan gabungan pendidikan, teladan dan amalan yang konsisten. Antara caranya ialah dengan memberi pendidikan awal dengan mengajar kanak-kanak tentang kepentingan kitar semula di rumah dan di sekolah atau di mana sahaja kita berada. Kita juga perlu menjadi contoh yang baik dengan mengamalkan kitar semula supaya dapat dicontohi oleh generasi muda. Menyediakan kemudahan yang mudah digunakan seperti meletakkan tong kitar semula yang berlabel untuk kertas, plastik, kaca dan logam di rumah serta sekolah. Libatkan mereka dalam aktiviti menarik seperti mengadakan pertandingan mengumpul bahan kitar semula, projek kraf tangan daripada bahan terpakai atau program gotong-royong. Mengintegrasikan dalam pembelajaran dengan memasukkan topik kitar semula dan kelestarian alam sekitar dalam aktiviti pembelajaran dan projek sekolah.

Dalam zaman serba canggih ini, gunakan media dan teknologi seperti kongsi video, permainan pendidikan dan kandungan media sosial yang menarik tentang kitar semula. Dengan pendidikan yang berterusan dan peluang untuk mempraktikkannya setiap hari, generasi muda akan lebih mudah membentuk tabiat kitar semula dan menjadi individu yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Apabila lebih ramai rakyat peka tentang mengitar semula, negara dapat mengurangkan jumlah sampah di tapak pelupusan. Secara tidak langsung ini dapat menjimatkan sumber semula jadi dan tenaga serta mengurangkan pencemaran alam sekitar yang akan menjadikan persekitaran lebih bersih dan sihat.

Kesimpulannya, setiap individu mempunyai peranan penting dalam menjayakan kitar semula. Dengan mengamalkan tabiat yang bertanggungjawab, kita dapat membantu menjaga alam sekitar dan menyumbang kepada pembangunan negara yang mampan. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوليه جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Kebawah DYMM akan menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

>> Muka 1

Sidang Kemuncak Komemoratif ini yang diadakan bersempena Ulang Tahun Ke-35 bagi Hubungan ASEAN-Rusia akan dipengerusikan bersama oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini dan Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin serta dihadiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta para Pemimpin ASEAN yang lainnya.

Sidang Kemuncak Komemoratif tersebut akan melihat semula kemajuan yang telah dicapai di bawah Pelan Tindakan Komprehensif (CPA) ASEAN-Rusia bagi Tahun 2021-2025, di samping membincangkan hala tuju kerjasama masa hadapan serta memperbaharui komitmen untuk memperkukuhkan lagi Perkongsian Strategik ASEAN-Rusia.

# PROJEK PENETASAN PENYU MEMPERKUKUH PEMULIHARAAN HIDUPAN MARIN






**Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai majlis berkenaan. Turut berangkat ialah anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah (atas dan kanan).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**MERAGANG**, Ahad, 14 Jun. - Poni Foundation hari ini melancarkan TRACKS Brunei bagi Projek Perintis Pusat Penetasan Penyu untuk memperkukuh pemuliharaan hidupan liar marin (Turtle Hatchery) di Marine Biodiversity Centre, Meragang, sebagai sebahagian daripada Minggu Lautan Brunei 2026 (Ocean Week Brunei 2026 - OWB 2026) bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2026 (MYCE 2026).

Majlis yang dianjurkan oleh Poni Foundation dengan sokongan Poni Group dan rakan utama, Bank Baiduri, menandakan permulaan kerja-kerja tapak bagi projek pemuliharaan yang memberi tumpuan kepada perlindungan penyu, penjagaan kawasan pesisir pantai, pemantauan, pendidikan serta penglibatan komuniti secara bertanggungjawab.

Berkenan berangkat menyertai, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Turut berangkat ialah anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Turut hadir ialah wakil-wakil daripada Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri; Jabatan Perikanan; Bank Baiduri; para penaja, rakan kerjasama, sukarelawan serta anggota komuniti OWB 2026.

TRACKS Brunei, singkatan bagi Tracking, Research, Awareness, Conservation and Knowledge for Sustainable Livelihoods (Penjejakan, Penyelidikan, Kesedaran, Pemuliharaan dan Pengetahuan Kehidupan Mampan), merupakan salah satu projek perintis ekonomi biru utama di bawah Poni Foundation.

Inisiatif berkenaan bermula dengan pemuliharaan penyu dan direka untuk berkembang menjadi sebuah platform yang lebih luas bagi hidupan marin dan biodiversiti di Negara Brunei Darussalam (NBD), dengan potensi pada masa hadapan untuk merangkumi Dugong, Jerung Paus, ikan lumba-lumba serta habitat hidupan pesisir lain seperti rumpai laut.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Poni Foundation dan Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah yang antara lain menyembahkan bagaimana lautan telah menjadi sebahagian daripada kehidupannya sejak berusia 15 tahun melalui aktiviti menyelam dan snorkel di perairan NBD.

Beliau mengimbau kembali bagaimana Pelong Rock suatu ketika dahulu dipenuhi dengan kehidupan marin, dengan terumbu karang, *giant clams* dan anak Jerung Terumbu Sirip Hitam, namun dari tahun ke tahun, beliau melihat semakin berkurangnya penampakan dan kurangnya hidupan laut.

Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah juga menyembahkan, keadaan berkenaan menimbulkan persoalan penting kepada pasukan : ke manakah perginya penyu-penyu NBD? Walaupun penyu sering kelihatan di pantai Sabah dan Sarawak, terdapat jauh lebih sedikit penampakan dan penyelidikan mengenai penyu di pantai NBD.

"Di kawasan perairan NBD juga boleh ditemui Jerung Paus, ikan lumba-lumba, memerang sungai serta hidupan marin lain, termasuk Dugong di bahagian lain Teluk Brunei, yang sebahagian besarnya masih kurang dikaji dan membuka peluang penyelidikan yang menarik," sembahnya lagi.

Sembah Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah lagi, pembangunan TRACKS Brunei bermula melalui pemerhatian lapangan, tinjauan pantai dan perbincangan dengan pakar serta komuniti tempatan. Pengarah Eksekutif Poni Faundation, Ann Williams, mula menjalankan tinjauan di Pantai Meragang pada Oktober tahun lalu sambil berinteraksi dengan pakar penyu antarabangsa dan penduduk tempatan, manakala Ketua Sains Marin Poni Foundation, Amanda Young, meneruskan kerja lapangan di sepanjang pesisir pantai NBD.

Pasukan berkenaan sembahnya lagi, menemui kesan jejak penyu, tulang, bangkai serta tanda-tanda tekanan terhadap kawasan penetasan termasuk kenderaan di pantai, sisa marin seperti kayu hanyut dan sampah yang menjadikan kawasan penetasan tidak sesuai. Usaha berkenaan turut melibatkan pembelajaran dari Sabah Wildlife di Turtle Island, Sabah serta jaringan kerjasama dengan saintis penyu dari Sarawak Forestry Corporation.

Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah juga menyatakan bahawa TRACKS Brunei bermula dengan penyu, namun ia bukan hanya mengenai penyu semata-mata. Sebaliknya, ia bertujuan membangunkan sistem hidupan liar marin komuniti bersepadu pertama di NBD yang menggabungkan kerja lapangan, teknologi, pendidikan, pekerjaan komuniti serta pemuliharaan jangka panjang.

Projek berkenaan sembahnya lagi, bertujuan meneroka penggunaan dron, Kecerdasan Buatan (AI), sensor Internet Pelbagai Benda (Internet of Things - IoT), perakam data (*data logger*), kamera perangkap, penjejak satelit, perakam bunyi bawah air dan ujian eDNA untuk memahami lokasi hidupan marin, pergerakannya serta keperluan mereka untuk terus hidup.

Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa teknologi sahaja tidak mencukupi dan matlamat sebenar projek berkenaan adalah untuk membina semula habitat yang lebih baik bagi hidupan liar melalui pantai yang lebih bersih, kualiti air yang lebih baik, perlindungan kawasan pesisir serta penglibatan komuniti yang lebih kukuh.

Beliau seterusnya menyembahkan mengenai peluang yang lebih luas untuk NBD menjadi sebuah 'Negara Perlindungan' (Sanctuary Nation), iaitu sebuah negara yang bukan sahaja melindungi alam semula jadi, malah menjadikannya sebagai peluang usaha pemuliharaan melalui pusat penetasan yang diuruskan oleh komuniti, program pendidikan dan penyelidikan, penglibatan belia serta pekerjaan dalam bidang pemuliharaan.

Manakala Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Pengiran Azaleen bin Pengiran Dato Haji Mustapha, berkata bahawa pusat penetasan penyu merupakan satu pencapaian penting dalam pemuliharaan salah satu spesies marin NBD serta pelaburan bermakna untuk masa depan alam sekitar negara.

Sebagai rakan utama, Bank Baiduri menyatakan bahawa projek berkenaan menyumbang kepada perlindungan biodiversiti sambil menggalakkan kesedaran dan tanggungjawab yang lebih besar terhadap alam sekitar.

Beliau turut menegaskan bahawa kelestarian bukan sahaja berkaitan dengan apa yang dilakukan pada hari ini, tetapi juga mengenai legasi yang ditinggalkan untuk generasi akan datang.

Selain aspek pemuliharaan, beliau turut menekankan bahawa ekosistem yang sihat mampu menyokong pelancongan mampan, pendidikan, penyelidikan, penglibatan masyarakat tempatan serta peluang pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa penjagaan alam sekitar dan pembangunan komuniti boleh bergerak seiring dalam mencapai manfaat bersama.

Dalam ucapan penutupnya, Ketua Sains Marin Poni Foundation yang juga Ketua Projek TRACKS Brunei, Amanda Young, berkongsi bahawa usaha pemuliharaan penyu di NBD melibatkan tinjauan lapangan yang meluas, aktiviti awal pagi, lewat malam serta berkhemah semalaman untuk mencari tanda kehadiran penyu di sepanjang pantai.

Beliau berkata, pasukan berkenaan perlu berjalan sejauh 250 kilometer sebelum menemui kesan jejak penyu pertama di NBD. Sejak itu, mereka terus mengumpul petunjuk melalui jejak, tulang, bangkai dan cerita daripada komuniti yang masih mengingati lokasi penyu bertelur atau masih mendarat hingga ke hari ini.

Amanda Young berkata, bukti lapangan menunjukkan bahawa penyu di NBD masih wujud, namun turut menekankan bahawa tiada data saintifik diperoleh selama kira-kira 18 tahun berikutan kurangnya penampakan penyu sejak awal tahun 2000-an. Pemantauan jangka panjang diperlukan bagi memahami aktiviti penetasan, ancaman dan keperluan pemuliharaan dengan lebih baik.

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION MYCE 2026

>> Muka 4

# Projek Penetasan Penyu memperkukuh pemuliharaan hidupan marin

>> Muka 3

Beliau turut menjelaskan bahawa ramai orang masih tidak mengetahui rupa jejak penyu, tindakan yang perlu diambil apabila menemui penyu atau bagaimana cahaya terang, bunyi bising, pemanduan, haiwan, pembangunan pesisir, sampah dan gangguan boleh menjejaskan kejayaan penetasan.

Pusat penetasan penyu sedang dibangunkan sebagai langkah praktikal pertama. Dalam jangka pendek, ia akan membantu memperkukuh perlindungan sarang, meningkatkan pemantauan, menyokong pemindahan secara bertanggungjawab apabila diperlukan dan menyediakan ruang yang lebih selamat untuk telur yang berisiko. Dalam jangka panjang, ia diharapkan menjadi pusat pemuliharaan penyu, pendidikan pesisir, penyelidikan, penglibatan belia dan penyertaan komuniti.

Pelancaran berkenaan diadakan bersempena dengan aktiviti pembersihan pantai di Pantai Meragang yang membawa tema 'Protecting Brunei's Beaches, One Cleanup at a Time'. Aktiviti berkenaan berjaya menghimpunkan lebih 350 peserta, termasuk sukarelawan, belia, rakan kerjasama dan orang awam, yang berjaya mengumpulkan sebanyak 1,356 kilogram sampah dari kawasan pantai.

Aktiviti pembersihan berkenaan menekankan hubungan rapat antara kebersihan pantai dan pemuliharaan penyu. Sisa buangan di kawasan pesisir, pencahayaan yang terang, gangguan serta aktiviti yang tidak terkawal boleh menjejaskan habitat pendaratan penyu untuk bertelur dan mengurangkan peluang kejayaan proses pembiakan berkenaan.

Program berkenaan juga menunjukkan bahawa sekolah, kumpulan belia, syarikat, keluarga dan individu semuanya mempunyai peranan dalam melindungi pantai serta hidupan marin NBD.

Poni Foundation menegaskan bahawa pusat penetasan penyu harus dilihat sebagai aset perlindungan dan pendidikan, bukannya tarikan pelancongan yang menggalakkan interaksi penyu secara tidak terkawal.

Orang ramai diingatkan supaya tidak mengganggu sarang penyu, memasuki kawasan pendaratan yang dihadkan, menggunakan lampu terang berhampiran pantai tempat penyu bertelur, memandu kenderaan di kawasan pantai yang sensitif, atau mengendalikan penyu tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Melalui TRACKS Brunei, Poni Foundation berhasrat membina sistem pemuliharaan hidupan marin yang lebih kukuh dengan menggabungkan perlindungan habitat, pemantauan, pendidikan, teknologi dan penyertaan komuniti. Inisiatif berkenaan turut menyokong visi lebih luas OWB 2026 yang memberi tumpuan kepada usaha menterjemahkan kesedaran mengenai lautan kepada tindakan praktikal, sumber pendapatan komuniti dan peluang ekonomi biru masa depan.

Selepas Majlis Pecah Tanah, projek akan memasuki fasa penyediaan tapak, perancangan pembinaan pusat penetasan, reka bentuk pemantauan dan aktiviti pendidikan awam, dengan peluang pada masa depan untuk sukarelawan, sekolah, kumpulan belia, penyelidik, rakan kerjasama dan penaja menyokong usaha pemuliharaan serta pendidikan di bawah TRACKS Brunei.

Pasukan berkenaan turut menekankan bahawa orang ramai perlu mengambil tindakan untuk memastikan pantai NBD sentiasa bersih kerana ia merupakan habitat penetasan penyu, dan menggalakkan sesiapa yang melihat penyu, jejak penyu, telur penyu atau mempunyai maklumat berkaitan penyu di NBD supaya menghubungi talian +673 8169322 bagi menyokong usaha pemuliharaan marin.

Melalui pelancaran TRACKS Brunei dan Projek Perintis Pusat Penetasan Penyu, Poni Foundation berharap dapat menginspirasikan lebih ramai orang untuk mengambil bahagian dalam melindungi hidupan marin NBD, bukan sahaja semasa OWB tetapi sepanjang tahun.

# RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

>> Muka 1

Turut hadir ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Masyarakat Islam di seluruh dunia bakal menyambut ketibaan Awal Tahun 1448 Hijrah. Di Negara Brunei Darussalam, sambutan tersebut lazimnya diraikan secara besar-besaran sebagai usaha mengembangkan dan menyebarluaskan syiar Islam, di samping memperingati peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah Al-Munawwarah.

Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun 1447 Hijrah dan Awal Tahun 1448 Hijrah Peringkat Negara akan diadakan pada Selasa malam Rabu, 1 Muharam 1448 Hijrah bersamaan 16 Jun 2026, bermula jam 5 petang di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Tumpuan utama majlis ialah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan; Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Antara pengisian utama majlis ialah bacaan Doa Akhir Tahun 1447 Hijrah dan Doa Awal Tahun 1448 Hijrah.

Majlis berkenaan dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kewangan; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan Bank Baiduri.

Tema sambutan pada tahun ini ialah 'Hijrah Penyelamat Akidah'.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis tersebut serta meraih keberkatan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah hadir bagi menyaksikan raptai tersebut. Turut hadir ialah Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448H; dan Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.**

# Kerjasama holistik tangani penyakit denggi

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**




>> Muka 1

Denggi merupakan antara penyakit bawaan nyamuk yang paling lazim di seluruh dunia, dengan anggaran 390 juta jangkitan setiap tahun, ujar Yang Berhormat.

Penyakit berkenaan, jelas Yang Berhormat, terus menjadi beban yang besar dari segi morbiditi dan kematian di peringkat global. Dalam tempoh dua dekad yang lalu, insiden denggi telah meningkat dan menjadi cabaran kesihatan awam yang ketara di seluruh dunia.

Di Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa penyakit denggi merupakan penyakit endemik.

"Kadar jangkitan sering berubah dari setahun ke setahun dan menunjukkan trend peningkatan kes setiap beberapa tahun.

"Purata jumlah kes penyakit denggi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ialah sebanyak 54 kes setahun, manakala jumlah kes tertinggi ialah sebanyak 119 kes yang dicatatkan pada tahun 2019, diikuti oleh 100 kes pada tahun 2024," tambah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat kemudiannya menjelaskan bahawa denggi disebarkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk yang dijangkiti, dan nyamuk Aedes telah dikenalpasti sebagai vektor utama penularan denggi di negara ini.

Kebanyakan kes denggi mengalami gejala ringan atau tidak menunjukkan sebarang gejala, ujar Yang Berhormat.

Antara gejala yang dialami, jelas Yang Berhormat lagi, termasuklah demam panas, sakit kepala, sakit otot, mual, muntah dan ruam. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil pesakit boleh mengalami denggi yang teruk seperti pendarahan gusi, hidung, atau muntah berdarah, sakit perut yang teruk, keletihan, kelemahan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menjelaskan Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuhkan usaha pemantauan dan kawalan penyakit bawaan nyamuk.

Ini termasuk meningkatkan kesiapsiagaan sistem kesihatan dan pemantauan penyakit bawaan nyamuk, pemantauan vektor nyamuk, mempertingkatkan kesedaran orang awam dalam semua peringkat umur termasuk murid-murid sekolah dan orang dewasa, serta memperluaskan kerjasama dengan pelbagai agensi dan orang ramai dalam usaha mengawal jangkitan penyakit denggi, terang Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan pencegahan merupakan asas penting dalam mengurangkan risiko jangkitan denggi.

Langkah-langkah mudah, ujar Yang Berhormat, seperti memastikan kebersihan persekitaran, membuang atau menutup tempat-tempat takungan air, membersihkan longkang, dan menukar air dalam bekas tanaman secara berkala boleh membantu mengurangkan pembiakan nyamuk.

"Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan mengekalkan kebersihan persekitaran bagi memastikan pencegahan dan kawalan penyakit denggi yang lebih berkesan.

"Ini memerlukan penglibatan dan kerjasama seluruh masyarakat bagi memastikan persekitaran kita bersih dan selamat.

"Penyemburan racun serangga hanyalah langkah kawalan sementara, manakala bagi kawalan jangka panjang yang lebih berkesan, mengekalkan persekitaran yang bersih dan memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk adalah lebih penting," terang Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat turut menerangkan, cara-cara untuk melindungi diri daripada jangkitan denggi termasuklah memakai pakaian berlengan dan seluar panjang yang berwarna terang, menggunakan ubat penghalau nyamuk, dan mengelakkan aktiviti luar pada waktu nyamuk aktif, iaitu pada waktu subuh dan senja.

"Marilah kita bersama-sama membaharui komitmen untuk melindungi keluarga dan masyarakat daripada jangkitan penyakit denggi serta memperkukuhkan budaya kebersihan, meningkatkan kesedaran kesihatan dan mempererat kerjasama dalam membina masyarakat yang lebih sihat dan selamat, di samping mengurangkan jangkitan penyakit denggi.

"Dengan semangat 'ASEAN Bersatu: Tiada Kematian Denggi - Masa Depan yang Kita Bina Bersama Menjelang 2030', bersama-sama kita lindungi generasi hadapan daripada ancaman penyakit denggi," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

# Belia merupakan penggerak masa depan negara

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 14 Jun. - Kejayaan Hijrah bukan suatu kebetulan, tetapi hasil perancangan yang rapi melalui pengurusan bakat yang luar biasa. Peristiwa agung berkenaan memberi inspirasi dan pelan tindakan yang sangat relevan dalam usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Belia bukan sekadar pemegang kunci masa depan, tetapi enjin penggerak hari ini. Sudah tiba masanya generasi muda berhijrah daripada menjadi pengguna teknologi kepada pencipta solusi demi kemajuan negara.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Semangat Hijrah : Inspirasi Menuju Wawasan Brunei 2035' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Arab Belait, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Ahmad Za'aim bin Haji Bagol, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-233, baru-baru ini.

Jelasnya lagi, wanita adalah arkitek utama di sebalik tabir kejayaan. Kisah Sayyidatina Asma' binti Abu Bakar R.A. mengajar pentingnya kreativiti, ketangkasan dan kebolehan menyelesaikan masalah dalam menghadapi cabaran semasa.

Tambahnya, negara memerlukan lebih ramai individu yang profesional, amanah dan berkemahiran tinggi untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Menyemarakkan Program Malam Munajat berkenaan ialah ahli jawatankuasa (AJK) takmir, para belia dan jemaah Masjid Kampung Belais, Temburong serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara.

Turut menyertai, warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program berkenaan secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Munajat malam dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pemangku Penghulu Mukim Zon 2 Daerah Temburong, Awang Mohammad Afnan bin Haji Gapor, juga Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, Daerah Temburong, yang bersiaran dari Masjid Kampung Belais, Daerah Temburong.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Ahmad Mukarram bin Madeli, belia Masjid Kampung Belais. Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Imam Tingkat IV, Masjid Kampung Belais, Daerah Temburong, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU, Awang Mohammad Safwan bin Zolkipli.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Bokok, Temburong, JPI, KHEU, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamzah.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Bilal Tingkat II, Masjid Kampung Belais, Daerah Temburong, JHEM, KHEU, Awang Mohammad Saiful Bahrin bin Haji Yunos.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir secara dalam talian bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-233, baru-baru ini.**

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan *http://tiny.cc/munajatkheu*.

# MEMUPUK KESEDARAN MENGENAI KEPENTINGAN PEMULIHARAAN, KELESTARIAN LAUTAN

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**







**YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pameran berkenaan (atas). Manakala gambar kiri, semasa penyampaian hadiah pertandingan Brunei Ocean Arts Photo Competition bagi kategori 'Mangrove Ecosystem'.**

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

**SALAMBIGAR**, Sabtu, 13 Jun. - Pameran Laut Brunei 2026 (Brunei Ocean Exhibition 2026 - BEX 2026) secara rasminya dilancarkan hari ini di OneCity Shopping Centre sebagai sebahagian daripada Minggu Lautan Brunei 2026, sekali gus membawa pelbagai pameran, aktiviti dan pengalaman pembelajaran berkaitan lautan kepada orang ramai.

Pameran yang bermula pada 12 Jun itu dianjurkan oleh Poni Group bersempena Minggu Lautan Brunei dan Persidangan serta Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2026 dengan matlamat meningkatkan kesedaran awam mengenai kelestarian lautan serta memperkenalkan kisah maritim Brunei, usaha-usaha pemuliharaan dan peluang dalam ekonomi biru kepada masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pameran berkenaan ialah Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Pelbagai pengisian telah diadakan sempena pelancaran tersebut, antaranya ucapan pembukaan dan alu-aluan, pelancaran buku fotografi selam hasil karya Ram Yoro, pembentangan mengenai kapal-kapal karam di perairan Brunei dan Borneo, penyampaian hadiah Pertandingan Foto Seni Laut Brunei serta majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara pihak penganjur dan Sabah Wetlands Conservation Society, yang juga dikenali sebagai KK Wetlands.

Dalam ucapan alu-aluannya, Presiden Poni Foundation dan Ketua Pegawai Perniagaan Poni Group, Anne Aziz menjelaskan bahawa pameran berkenaan mempunyai makna yang istimewa kerana berupaya membawa lautan lebih dekat kepada masyarakat.

Menurut beliau, tidak semua orang berpeluang untuk menyelam, mengunjungi kawasan laut atau meneroka ekosistem paya bakau.

Oleh itu, melalui seni, fotografi, bengkel, sesi perkongsian dan penceritaan, BEX 2026 diharap dapat membantu orang ramai memahami serta menghargai kepentingan lautan dengan lebih mendalam.

Beliau turut menekankan bahawa hubungan Brunei dengan laut dan sungai telah lama menjadi sebahagian daripada identiti negara, bermula daripada kewujudan Kampong Ayer dan komuniti sungai hinggalah kepada kawasan pesisir pantai, hutan bakau dan tapak kapal karam yang terdapat di seluruh negara.

Sehubungan itu, pameran tersebut turut menggalakkan golongan belia melihat lautan bukan sahaja sebagai khazanah alam yang perlu dipelihara, malah sebagai sumber peluang dalam bidang kerjaya, kreativiti, pelancongan, pemuliharaan dan pelbagai industri baharu yang berkaitan dengan ekonomi biru.

Sementara itu, antara tarikan utama semasa pelancaran ialah pengenalan buku fotografi selam bertajuk 'What Lies Beneath Borneo' hasil karya jurugambar bawah air dan penyelam teknikal terkenal, Ram Yoro.

Buku yang mengambil masa tujuh tahun untuk dihasilkan itu memfokuskan kepada kapal-kapal karam yang terdapat di perairan Brunei dan Borneo.

Melalui gabungan fotografi dan penyelidikan, ia mendokumentasikan sejarah bawah laut, warisan maritim, lokasi kapal karam yang tersembunyi serta kepelbagaian hidupan marin yang menghuni perairan rantau ini.

Pameran Laut Brunei 2026 menampilkan pelbagai pameran pemuliharaan, seni lautan, fotografi, filem, ceramah awam dan bengkel kreatif yang direka khas untuk semua lapisan masyarakat, sekali gus memperkukuhkan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan kelestarian lautan untuk generasi akan datang.

PELITA BRUNEI

# KETENGAHKAN NILAI KEMANUSIAAN, SOLIDARITI MELALUI PENDERMAAN DARAH

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 14 Jun. - Setiap 14 Jun, negara-negara di seluruh dunia menyambut Hari Penderma Darah Sedunia sebagai satu inisiatif global untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan bekalan darah dan produk darah yang selamat, berkualiti dan mencukupi bagi keperluan rawatan pesakit.

Sambutan ini juga merupakan kesempatan untuk memberikan penghargaan kepada para penderma darah sukarela yang telah tampil menyumbangkan darah tanpa mengharapkan sebarang balasan demi membantu menyelamatkan nyawa pesakit.

Tema sambutan Hari Penderma Darah Sedunia tahun ini adalah 'One Drop of Humanity. Give Blood. Save Lives.' atau 'Setitis Kemanusiaan. Derma Darah. Selamatkan Nyawa'.

Tema ini memartabatkan nilai kemanusiaan sebagai teras dalam setiap pendermaan darah.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2026.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya berkata, pendermaan darah bukan sekadar satu prosedur perubatan, malah merupakan aktiviti kemanusiaan yang melambangkan solidariti, merasa belas ihsan dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakat.

Setiap titisan darah yang didermakan memberikan harapan baharu dan menjadi talian hayat kepada mereka yang sangat memerlukan, ujar Yang Berhormat.

"Kempen tahun ini juga menekankan bahawa walaupun kemajuan dalam bidang sains, teknologi makmal, saringan pendermaan darah dan sistem keselamatan transfusi telah meningkatkan tahap keselamatan darah secara ketara, bekalan darah yang selamat masih bergantung kepada kesediaan individu untuk menderma darah secara sukarela dan berkala.

"Namun demikian, banyak negara masih berdepan cabaran kekurangan bekalan darah dan ketidaksamaan akses kepada darah serta produk darah yang selamat," terang Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan objektif khusus sambutan Hari Penderma Darah Sedunia pada tahun ini adalah untuk menggalakkan pertumbuhan berterusan dalam kalangan penderma darah sukarela tanpa imbalan yang menderma secara aktif, tetap dan berkala; meningkatkan kesedaran orang awam mengenai impak pendermaan darah dan plasma dalam menyelamatkan nyawa; menghargai sumbangan para penderma darah serta mempromosikan nilai-nilai kemanusiaan dan solidariti; menggalakkan agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk terus memperkukuhkan serta melabur dalam program darah kebangsaan; dan menyokong usaha mencapai akses sejagat kepada transfusi darah yang selamat, berkualiti dan tepat pada masanya bagi semua yang memerlukan.

"Alhamdulillah, usaha-usaha dan kempen pendermaan darah terus dilaksanakan secara aktif dan berterusan di Negara Brunei Darussalam.

"Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi pendidikan, pasukan seragam, sektor swasta dan NGO dalam mengendalikan kempen pendermaan darah bergerak di seluruh daerah," jelas Yang Berhormat.

Pada tahun 2025, Yang Berhormat mengongsikan bahawa Pusat Pendermaan Darah telah berjaya mencatat sebanyak 16,807 kutipan darah yang disumbangkan oleh 13,785 penderma darah, termasuk 3,289 penderma baharu yang berdaftar.

Pencapaian berkenaan, terang Yang Berhormat, menunjukkan komitmen berterusan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Kesihatan juga akan terus memperluaskan usaha pendidikan dan kesedaran awam mengenai kepentingan pendermaan darah secara sukarela dan berkala, tegas Yang Berhormat.

"Penglibatan golongan belia amatlah penting dalam memastikan kesinambungan kumpulan penderma darah yang mampan bagi memenuhi keperluan pesakit pada masa akan datang.

"Oleh itu, semua lapisan masyarakat adalah diseru untuk sama-sama memainkan peranan dalam membudayakan amalan pendermaan darah sebagai satu tanggungjawab sosial dan amalan kebajikan yang mulia.

"Manakala, agensi-agensi kerajaan, institusi pendidikan, pasukan seragam, sektor swasta dan NGO adalah juga diseru untuk sama-sama menganjurkan kempen-kempen pendermaan darah demi membantu mengekalkan stok bekalan darah di tahap yang sihat di negara ini.

"Saya dan seluruh warga Kementerian Kesihatan juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penderma darah di Negara Brunei Darussalam atas keikhlasan dan pengorbanan mereka dalam membantu menyelamatkan nyawa pesakit-pesakit yang memerlukan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga memberikan penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam menjayakan aktiviti dan kempen pendermaan darah selama ini, termasuk agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi pendidikan, pasukan berseragam, sektor swasta, NGO serta individu-individu perseorangan.

"Tidak lupa juga penghargaan dan tahniah kepada seluruh pegawai dan kakitangan di Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta Tabung-tabung Darah di Hospital Suri Seri Begawan, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, dan Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam atas dedikasi dan usaha berterusan mereka dalam memastikan bekalan darah sentiasa selamat, mencukupi dan berkualiti," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat kemudiannya menjelaskan setiap unit darah yang didermakan berpotensi untuk menyelamatkan sehingga tiga nyawa pesakit.

"Semoga segala usaha dan amalan baik para penderma darah akan mendapat ganjaran dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

"Sehubungan dengan ini, saya juga ingin menyeru mereka yang masih belum pernah menderma darah agar tampil bersama menyertai usaha murni ini demi kesejahteraan dan keselamatan masyarakat secara bersama.

"Akhir sekali, marilah kita bersama-sama memperkukuhkan semangat perpaduan dan kepedulian sosial dalam memastikan bekalan darah negara terus mencukupi, selamat dan mudah diakses oleh semua pesakit yang memerlukannya pada setiap masa," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

Orang ramai bolehlah mengikuti Facebook: *bloodbankripas.brunei* atau Instagram *@bloodbank_ripas* bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti dan kempen-kempen Pusat Pendermaan Darah. Untuk membuat tempahan slot pendermaan darah di Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, orang ramai juga boleh menggunakan aplikasi BloodKad atau menghubungi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 atau +673 7440267 / 7440277 (Hotline/Whatsapp).

# Pengundian, pemilihan Ketua Kampung Jerudong 'A', Sengkurong 'B', Selayun

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**SENGKURONG**, Ahad, 14 Jun. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon-Calon Ketua Kampung bagi Kampung Jerudong 'A', Kampung Sengkurong 'B' dan Kampung Selayun telah berlangsung hari ini di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong, di sini.

Hadir mengalu-alukan para pengundi dan tetamu ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Mohammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong, Awang Haji Mohd. Zaidin bin Haji Mohd. Noor.

Bagi jawatan Ketua Kampung Jerudong 'A', calon tunggal yang bertanding ialah Awang Mohammad Nazmi Fa'iz bin Haji Abu Bakar, 34 tahun, mendapat sebanyak 225 undian.

Beliau merupakan pemegang Diploma Tertinggi Kebangsaan (BTEC Level 5) dalam bidang Diploma in Computer and Systems Development dari Laksamana College of Business pada tahun 2015 dan kini menjalankan tugas sebagai Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A' sejak September 2022.

Sementara itu, bagi jawatan Ketua Kampung Sengkurong 'B', calon tunggal ialah Awang Mohammad Shahrizan bin Masri, 49 tahun, mendapat sebanyak 123 undian, yang menetap di kampung berkenaan.

Beliau berkelulusan BTEC National Diploma dalam Computer Studies dari Micronet International College pada tahun 2011 dan kini berkhidmat sebagai Penolong Operasi Kanan, Kejuruteraan, Jabatan Radio Televisyen Brunei.

Manakala bagi jawatan Ketua Kampung Selayun, calon tunggal yang bertanding ialah Awang Muhammad Faris Syah bin Haji Hanafi, 34 tahun, mendapat sebanyak 35 undian.

Beliau berkelulusan Diploma dalam Business and Finance daripada Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa pada tahun 2014 dan merupakan penduduk Kampung Selayun.

Acara seterusnya menyaksikan proses pengesahan keputusan undian yang dilaksanakan menerusi aplikasi mudah alih e-Undi PMKK serta pengiraan kertas undi yang telah dijalankan sepanjang tempoh pengundian bagi ketiga-tiga kampung berkenaan.




**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Mohammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim hadir mengalu-alukan para pengundi dan tetamu di Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon-Calon Ketua Kampung bagi Kampung Jerudong 'A', Kampung Sengkurong 'B' dan Kampung Selayun yang telah mengambil tempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong baru-baru ini.**

Pemilihan Ketua Kampung adalah antara usaha berterusan kerajaan untuk memastikan kepimpinan akar umbi yang berwibawa dan berkesan dalam membantu memelihara kesejahteraan, perpaduan serta pembangunan masyarakat di peringkat kampung.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

# 4 PELAJAR KUPU SB TERIMA TAJAAN MITSUBISHI CORPORATION BRUNEI



**RA'ES KUPU SB hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis penyerahan tajaan kewangan berkenaan. Turut hadir bagi sama-sama menyaksikan majlis berkenaan ialah Timbalan Pengurus Am, Mitsubishi Corporation Brunei, Ms. Hanako Katagiri.**

**Oleh : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 13 Jun. - Empat orang pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) terpilih menerima tajaan kewangan daripada Mitsubishi Corporation Brunei dengan majlis penyerahan tajaan kewangan berkenaan berlangsung di Dewan Ta'lim, KUPU SB petang tadi.

Pelajar-pelajar KUPU SB yang terpilih ialah Awang Abdul Hafiz bin Abdul Halim; Awang Muhammad Nur Hadi bin Mohd. Ariffin; Awang Mohamed Khairie bin Mohamed Shalahudeen; dan Dayang Nur Qayyimah binti Asman.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis penyerahan tajaan kewangan berkenaan ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Dalam pada itu, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir semasa menyampaikan ucapan di majlis berkenaan antaranya menyatakan tajaan ini lebih daripada sekadar bantuan kewangan bahkan ia adalah sesuatu pelaburan yang berharga dalam pembangunan modal insan dan cerminan rasa tanggungjawab sosial Mitsubishi Corporation Brunei yang teguh.

Tambahnya, melalui bantuan kewangan Mitsubishi Corporation Brunei ini menunjukkan keprihatinan syarikat terhadap kesejahteraan pendidikan pelajar KUPU SB yang memerlukan bantuan kewangan, membolehkan mereka memberi tumpuan kepada pengajian dan mengejar matlamat akademik mereka dengan lebih yakin dan fikiran yang tenang.

"Sebagai sebuah institusi yang berdedikasi untuk membangunkan pendidik, cendekiawan, dan pemimpin yang berteraskan nilai-nilai Islam dan kecemerlangan profesional, KUPU SB sangat percaya bahawa akses kepada pendidikan tidak boleh dihalang oleh kekangan kewangan. Sumbangan kewangan ini sememangnya memberi galakan, motivasi, dan peluang untuk pelajar yang layak untuk meneruskan perjalanan akademik dengan penuh keyakinan dan keazaman.

"Kepada pelajar-pelajar yang telah terpilih untuk menerima kewangan bantuan ini dari Mitsubishi Corporation Brunei, saya ucapkan tahniah. Saya menggalakkan awda menggunakan peluang ini sebaik mungkin dengan berusaha untuk meraih kecemerlangan akademik, memupuk sahsiah yang baik, dan menyumbang positif kepada masyarakat. Semoga bantuan ini memberi inspirasi kepada awda untuk bekerja lebih keras dan menjadi individu yang akan berkhidmat untuk negara dan ummah dengan ilmu pengetahuan, integriti, dan dedikasi," ujar beliau lagi.

Terdahulu, Timbalan Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUPU SB, Dayang Nurul Azimah binti Haji Abdul Hamid yang juga selaku pengerusi majlis dalam ucapan alu-aluannya antaranya mengongsikan Majlis Penyerahan Tajaan Kewangan Mitsubishi Corporation Brunei ini sememangnya bagi menyokong golongan pelajar KUPU SB yang kurang berkemampuan.

Jelasnya lagi, bagi memastikan bantuan kewangan ini diberikan kepada pelajar yang layak, proses pemilihan yang teliti telah dijalankan oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Kebajikan Pelajar (Student Development and Welfare Committee - JPKP) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

"Penilaian tersebut mengambil kira latar belakang sosioekonomi pelajar, prestasi akademik, perwatakan peribadi, komitmen terhadap pelajaran, penglibatan dalam pembangunan diri dan aktiviti khidmat masyarakat serta cadangan daripada pihak fakulti dan pegawai-pegawai berkaitan.

"Lawatan ke rumah juga dilakukan untuk lebih memahami keadaan yang dihadapi oleh pelajar dan keluarga mereka. Berikutan penilaian menyeluruh ini, empat orang pelajar telah dipilih sebagai penerima bantuan kewangan ini," tambah beliau.

Adapun penyerahan tajaan kewangan ini merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat pihak Mitsubishi Corporation Brunei dalam menyokong kebajikan dan pembangunan pendidikan pelajar di Negara Brunei Darussalam.

Majlis yang diadakan ini juga merupakan wadah dalam menghargai sumbangan dan komitmen Mitsubishi Corporation Brunei dalam menyokong kebajikan serta pembangunan pendidikan pelajar sekali gus memperkukuhkan hubungan kerjasama dan jaringan strategik antara KUPU SB dan Mitsubishi Corporation Brunei.

Turut hadir bagi sama-sama menyaksikan majlis berkenaan ialah Timbalan Pengurus Am, Mitsubishi Corporation Brunei, Ms. Hanako Katagiri; pegawai-pegawai eksekutif; pegawai-pegawai utama; tenaga akademik; pegawai; kakitangan dan para pelajar KUPU SB.

# Program Sua Muka eratkan hubungan rakyat dengan kerajaan





**TIMBALAN Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan (atas dan bawah). Manakala bagi pihak Kampung Bukit Sawat diketuai oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ketua Kampung Bukit Sawat, dan bagi Rumah Panjang Malayan diketuai oleh Yang Berhormat Ahli MMN, Penghulu Mukim Bukit Sawat / Mematai-matai Rumah Panjang Malayan (atas dan atas kanan).**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**



**BELAIT,** Sabtu, 13 Jun. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Komunikasi Strategik, hari ini mengadakan Program Sua Muka bersama Kampung Bukit Sawat dan Rumah Panjang Malayan bertempat di Dewan Serbaguna, Mukim Bukit Sawat, di sini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini. Manakala bagi pihak Kampung Bukit Sawat diketuai oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara iaitu Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat dan bagi Rumah Panjang Malayan diketuai oleh Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat / Mematai-matai Rumah Panjang Malayan.

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Di samping itu, Program Sua Muka adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program juga diisikan dengan penyampaian maklumat kepada penduduk-penduduk kampung daripada Jabatan Penerangan mengenai 'Kesedaran Awam terhadap Penyebaran Maklumat Palsu' dan Jabatan Tenaga mengenai 'Usaha Kerajaan dalam Memperkenalkan Renewable Energy / Tenaga Baharu (Solar System)'.

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan, yang antara lain berkaitan dengan prasarana, keselamatan dan kemudahan awam.

# TIMBA ILMU, KEMAHIRAN DALAM TAJWID AL-QURAN

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami







**PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan bengkel tersebut (atas). Manakala gambar kiri dan bawah kiri, para peserta serta suasana di bengkel berkenaan yang telah mengambil tempat di Masjid Kampung Keriam Daerah Tutong.**

**TUTONG**, Sabtu, 13 Jun. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Keriam Daerah Tutong dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong hari ini telah mengadakan Bengkel Tajwid Bersama Al-Quran bagi Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah dan Jemaah Masjid Daerah Tutong.

Bengkel yang berlangsung di Masjid Kampung Keriam Daerah Tutong berkenaan membawa tema 'Bacaan Betul, Hati Tenang' disertai oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah Masjid dan orang ramai dengan sasaran penyertaan seramai 150 orang.

Bengkel berkenaan merupakan antara usaha JHEM untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran masyarakat dalam membaca Al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul.

Selain itu, ia juga bertujuan memupuk minat peserta untuk memperbaiki bacaan Al-Quran serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan bengkel tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, JHEM, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Awang Haji Amir Hisham dalam ucapannya antara lain menjelaskan Al-Quran merupakan kalam Allah yang menjadi petunjuk dan pedoman hidup umat Islam.

Membaca Al-Quran adalah satu ibadah yang besar ganjarannya, tambahnya lagi.

"Namun demikian, Al-Quran hendaklah dibaca dengan sebutan dan kaedah yang betul sebagaimana yang telah diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Justeru, ilmu tajwid memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan setiap huruf dilafazkan dengan tepat mengikut hukum-hukum yang telah ditetapkan," tekannya.

Dalam pada itu, Awang Haji Amir Hisham turut menaruh harapan agar bengkel berkenaan akan menjadi platform yang berkesan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam ilmu tajwid sekali gus dengan memanfaatkan kesempatan menyertai bengkel itu untuk bertanya, berbincang dan mempraktikkan apa yang dipelajari agar ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam kehidupan seharian.

"Masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat menunaikan ibadah, malah merupakan pusat penyebaran ilmu, pembangunan akhlak dan pengukuhan ukhuwah dalam masyarakat.

"Oleh itu, saya berharap lebih banyak program seumpama ini akan terus dilaksanakan pada masa hadapan bagi menarik penyertaan pelbagai lapisan masyarakat, khususnya golongan belia dan generasi muda," ujar beliau.

Adapun bengkel berkenaan diisikan dengan sesi pengenalan ilmu tajwid, praktikal tajwid, bacaan Al-Quran secara bertajwid serta sesi soal jawab yang dikendalikan oleh Awang Haji Md. Daud bin Haji Abd. Kadir selaku Fasilitator Bengkel Tajwid Bersama Al-Quran.

Antara objektif utama bengkel ini ialah untuk mendokong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir dan melahirkan masyarakat yang celik Al-Quran.

Selain itu, bengkel ini turut memberikan pendedahan mengenai asas ilmu tajwid, meningkatkan keyakinan para peserta dalam membaca Al-Quran secara bertalaqqi, memupuk budaya mencintai ilmu Al-Quran serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan peserta.

Melalui penganjuran bengkel ini, ia juga diharapkan agar peserta-peserta akan lebih mahir membaca Al-Quran dengan sebutan dan hukum tajwid yang betul, seterusnya menjadikan amalan membaca Al-Quran sebagai budaya hidup yang berterusan serta mengukuhkan peranan masjid sebagai pusat ilmu dan penyebaran dakwah kepada masyarakat.

## Memperkukuhkan kefahaman, kemahiran membaca Al-Quran

**TUTONG,** Sabtu, 13 Jun. - Pembangunan sesebuah masyarakat Islam bermula dengan pembinaan individu yang mempunyai hubungan yang kukuh dengan Al-Quran. Apabila Al-Quran dibaca dengan baik, difahami dengan benar dan diamalkan dalam kehidupan seharian, maka akan lahirlah masyarakat yang berakhlak mulia, bersatu padu dan sentiasa berpandukan ajaran Islam.

Sehubungan itu, Bengkel Tajwid Bersama Al-Quran perlu dilihat sebagai satu platform penting untuk memperkasa peranan masjid sebagai pusat ilmu dan pembentukan ummah.

Perkara berkenaan antara yang diutarakan oleh Awang Haji Fansuri Sharimi@Haji Mansur bin Mohamad Ali selaku Pengerusi Majlis Bersama Bengkel Tajwid Bersama Al-Quran bagi Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah dan Jemaah Masjid Daerah Tutong ketika berkesempatan ditemu bual Pelita Brunei semasa berlangsungnya bengkel berkenaan yang diadakan di Masjid Kampung Keriam Daerah Tutong, hari ini.

Beliau yang merupakan Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas yang juga selaku Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama ini terdahulu turut menekankan bahawa sebagai ahli jawatankuasa takmir masjid memegang amanah yang besar dalam mengimarahkan masjid.

Peranan tersebut bukan sahaja tertumpu kepada pengurusan dan pentadbiran masjid, malah meliputi tanggungjawab untuk memimpin masyarakat ke arah penghayatan Islam yang lebih mantap melalui pelbagai aktiviti keagamaan dan pendidikan.

"Masjid sejak zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan pusat ibadah, pusat pendidikan dan pusat pembangunan masyarakat. Oleh itu, setiap ahli jawatankuasa takmir hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan ilmu dan kemahiran diri agar dapat melaksanakan amanah tersebut dengan lebih berkesan dan penuh hikmah.

"Penguasaan ilmu tajwid yang baik akan membantu ahli jawatankuasa takmir menjadi contoh kepada para jemaah dan masyarakat dalam pembacaan Al-Quran. Bahkan ilmu yang diperoleh melalui bengkel ini diharapkan dapat dikongsikan semula melalui kelas-kelas Al-Quran, majlis tadarus, halaqah ilmu serta program-program keagamaan yang dianjurkan di masjid masing-masing," ujarnya.

Justeru, Awang Haji Fansuri Sharimi juga antaranya berkata penganjuran bengkel ini merupakan satu usaha yang amat bertepatan dalam memperkukuhkan lagi kefahaman serta kemahiran membaca Al-Quran dalam kalangan ahli jawatankuasa takmir masjid-masjid khususnya di Daerah Tutong.

Melalui bengkel ini juga, para peserta akan diberikan peluang untuk mengulang kaji asas-asas tajwid, memperbetulkan bacaan, memahami hukum-hukum bacaan dengan lebih mendalam serta meningkatkan keyakinan dalam membaca Al-Quran.

"Marilah kita bersama-sama berazam untuk terus mempertingkatkan hubungan kita dengan Al-Quran. Mudah-mudahan usaha mempelajari dan memperbaiki bacaan Al-Quran ini menjadi sebab turunnya rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita semua, seterusnya memperkukuhkan peranan masjid sebagai institusi yang sentiasa hidup dengan ilmu, ibadah dan dakwah," ucap beliau pada akhir temu bual.



**AWANG Haji Fansuri Sharimi@Haji Mansur bin Mohamad Ali, Pengerusi Majlis Bersama Bengkel Tajwid Bersama Al-Quran bagi Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah dan Jemaah Masjid Daerah Tutong.**

# 31 PELAJAR CEMERLANG SM RIPAS DIRAIKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha





**KETUA Kampung Kiudang dan Padnunok hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut (atas kiri). Sementara gambar atas, penerima Anugerah Pelajar Cemerlang 2025.**

**TUTONG,** Sabtu, 13 Jun. - Seramai 31 pelajar telah diraikan pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Pelajar Tahun 11 bagi Sesi 2025 dalam Peperiksaan Awam BC GCE 'O' Level dan IGCSE 2025 dan Penyampaian Sijil Program Pearson Business and Technology Education Council (BTEC) bertempat di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), Birau Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Kampung Kiudang dan Padnunok, Awang Muhammad Rifaie bin Haji Abdul Rahim.

Beberapa jemputan khas turut menghadiri majlis yang diadakan di dewan serbaguna sekolah berkenaan yang terdiri daripada Ahli Tertinggi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SM RIPAS, mewakili Pegawai Kluster 5, pengetua-pengetua sekolah menengah, wakil-wakil pengetua, guru-guru besar, wakil guru besar sekolah tadahan dari Kluster 5 serta ibu bapa dan penjaga pelajar yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan perarakan masuk pelajar-pelajar, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Awangku Muhammad Danish Raiyan bin Pengiran Mohammad Rahimin Shah, diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Awang Muhammad Maziz Hasbul Kasyfi bin Masburah dan bacaan inti sari ayat oleh Awang Ukail Uzma bin Iskandar Zulkarnain.

Majlis pada petang itu juga diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua SM RIPAS, Dayang Hajah Adimah binti Haji Mohd. Said, antara lain menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru-guru yang telah mendidik dengan penuh dedikasi dalam mencurahkan ilmu tanpa mengenal penat lelah serta pengorbanan mereka dalam memberikan pengajaran yang terbaik.

Beliau juga turut mengucapkan penghargaan kepada ibu bapa dan penjaga pelajar yang diraikan atas sokongan tanpa jemu di samping usaha sama dengan pihak sekolah sebagai salah satu faktor penting dalam kejayaan para pelajar.

Beberapa kategori anugerah telah disampaikan pada petang itu, termasuk Anugerah Pelajar Cemerlang Akademik BCGCE 'O' Level dan IGCSE Tahun 2025, Anugerah Pelajar Terbaik dalam Subjek BCGCE 'O' Level dan IGCSE Tahun 2025, Anugerah Pelajar Progresif Tahun 2025, Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2025, Anugerah Pelajar Contoh Tahun 2025 dan Anugerah Guru Subjek Yang Mencapai Sasaran Nasional Tahun 2025.

Seramai 23 pelajar telah menerima Anugerah Kecemerlangan Akademik bagi Peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE yang memperoleh antara lima hingga sembilan kredit.

Sementara itu, 12 pelajar telah menerima Anugerah Pelajar Terbaik Dalam Subjek bagi peperiksaan yang sama. Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan atas pencapaian dalam Program BTEC bagi Sesi Tahun 2024-2025 kepada lapan pelajar kerana telah berjaya menamatkan program tersebut.

Antara penerima anugerah utama ialah Dayang Elysia binti Kefprwi yang menerima Anugerah Pelajar Cemerlang 2025, manakala Awang Mohammad Haziq bin Mohd. Isa diumumkan sebagai penerima Anugerah Pelajar Contoh 2025. Sementara itu, lima pelajar turut menerima Anugerah Pelajar Progresif BCGCE 'O' Level dan IGCSE 2025 sebagai tanda penghargaan kerana telah menunjukkan peningkatan.

Majlis turut menyampaikan sijil penghargaan kepada guru-guru yang telah mengajar Subjek BCGCE 'O' Level, IGSCE dan BTEC Sesi Tahun 2025 atas jasa dan sumbangan mereka. Majlis ini turut diserikan dengan ucapan daripada wakil pelajar iaitu Awang Aqeel Syadi Muizzuddin bin Masalisah.

Majlis ini bukan sahaja sebagai penghargaan kepada para pelajar, malah turut menjadi sumber inspirasi kepada seluruh warga SM RIPAS untuk terus berusaha ke arah kecemerlangan akademik.

# Suntik semangat patriotisme, sifat perpaduan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**TAKLIMAT berkenaan telah disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail (kiri) kepada seramai 233 pelajar Tahun 7 dan Tahun 9 di dewan Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong (bawah kiri).**



**TUTONG,** Sabtu, 13 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong.

Hadir pada taklimat berkenaan, Pengetua Sekolah, Awang Eddy Nazrin bin Haji Seruji, dan tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenali ASEAN yang diadakan di dewan sekolah berkenaan, disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada seramai 233 pelajar Tahun 7 dan Tahun 9.

Taklimat antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Ketua Subjek Jabatan Social Science sekolah berkenaan, Dayang Nurul Himmah binti Haji Omar.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga merupakan usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

# Pemakluman mengenai pembayaran dalam talian

Siaran Akhbar : Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**BELAIT,** Sabtu, 13 Jun. - Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria memaklumkan dengan aspirasi kerajaan dalam memperluaskan penggunaan transaksi dan pembayaran digital, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria akan melaksanakan pembayaran secara dalam talian (*online*) bagi semua perkhidmatan jabatan ini berkuat kuasa mulai Rabu, 1 Julai 2026 kecuali bagi urusan pembelian kupon prabayar letak kereta.

Sehubungan itu, orang ramai yang ingin membuat pembayaran atau berurusan berkaitan pembayaran pada masa akan datang adalah disarankan untuk mendaftar ke dalam One Common Billing System (OCBS) terlebih dahulu.

Pendaftaran boleh dibuat mulai Sabtu, 13 Jun 2026 di Kaunter Perkhidmatan, Aras Bawah, Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dengan membawa Kad Pengenalan sebagai dokumen pengesahan.

Waktu operasi kaunter perkhidmatan adalah seperti berikut iaitu Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula pada pukul 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Kaunter Perkhidmatan tidak beroperasi pada Jumaat, Ahad dan Hari-hari Kelepasan Awam. Kerjasama dan sokongan orang ramai dalam menjayakan inisiatif pendigitalan perkhidmatan ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

PELITA BRUNEI

# TANAMKAN NILAI MURNI, SEMANGAT PATRIOTIK DALAM DIRI PELAJAR

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**



**PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Md. Danny bin Aimi hadir selaku tetamu kehormat program berkenaan. Turut hadir ialah Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 13 Jun. - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) sangat bertepatan dengan visi Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) yang membawa aspirasi 'Premier College for Future Leaders' kerana membantu membentuk pemikiran, keyakinan diri serta kesedaran tentang realiti dan tanggungjawab sebagai pelajar dan bakal pemimpin negara.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Pemangku Pengetua Maktab SOAS, Awang Mohammad Zulhisham Shah bin Haji Napiah, pada Program RRP yang diadakan di auditorium sekolah berkenaan.

Tambahnya, melalui segmen-segmen persembahan seperti kuiz dan drama sketsa, mesej yang disampaikan menjadi lebih mudah difahami, dekat dengan jiwa pelajar dan lebih berkesan untuk dihayati.

Menurutnya lagi, hidup dalam zaman yang penuh cabaran antaranya media sosial serta pelbagai pengaruh dan tekanan rakan sebaya, memerlukan kita bijak membuat pilihan dan berani menolak perkara yang boleh merosakkan masa depan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Md. Danny bin Aimi.

Turut hadir ialah Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim; pegawai-pegawai Jabatan Penerangan; wakil Persatuan Ibu Bapa; dan guru-guru kanan serta tenaga pengajar sekolah.

Program RRP juga dihadiri oleh seramai 252 orang penuntut Maktab SOAS dari Tahun 9 dan 10.

Acara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara', diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Awang Sirifin @ Darwisy Arifin bin Haji Timbang.

Taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta lagu kebangsaan negara.

Majlis turut diserikan dengan pelbagai persembahan yang menampilkan bakat serta kreativiti para pelajar.

Persembahan pembukaan dimulakan dengan alunan Gulintangan menerusi *medley* lagu 'Gabungkok' dan 'Dang Mengalai' oleh para penuntut Tahun 7, 8 dan 9 yang memperlihatkan keunikan seni muzik tradisional tempatan.

Setelah itu, diikuti dengan persembahan lagu 'Sakai' serta *medley* lagu 'Indung Anak' dan 'Cabuk-cabuk Bertali Rambai' oleh para penuntut Tahun 9 dan 10 yang berjaya memukau dengan kemahiran memainkan alat muzik tradisional.

Sementara itu, persembahan puisi bertajuk 'Padah Vape' pula disampaikan oleh Awang Mohamed Sirazzudeen bin Haji Mohamed Maideen membawa mesej kesedaran mengenai kesan buruk penggunaan *vape* dalam kalangan masyarakat, khususnya golongan remaja.

Turut dipersembahkan ialah Choral Reading Drama bertajuk 'The Hidden Cloud and The Hazy Forest' oleh para penuntut Maktab SOAS Tahun 7 dan 8 yang berjaya menyerlahkan bakat pelajar dalam bidang drama dan pengucapan kreatif.

Persembahan lakonan bertajuk 'Jalan Terbaik' oleh Kumpulan Seni Kreatif Studio menampilkan mesej mengenai seorang pelajar yang terlibat dengan gejala tidak sihat akibat tekanan masalah peribadi. Atas nasihat para guru, akhirnya pelajar berkenaan insaf dan sedar akan kesalahannya. Lakonan turut menyelitkan peranan semua pihak termasuk guru, penuntut dan ibu bapa dalam menangani isu-isu sosial.

Program RRP turut dimeriahkan dengan persembahan nyanyian lagu 'Bintang' dan 'Eeee A' oleh penyanyi tempatan, Rafi Aziz.

Kuiz Kenegaraan turut diadakan bagi menguji kefahaman penuntut yang hadir tentang taklimat yang disampaikan di awal program. Penyampaian cenderamata kepada pemenang kuiz disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Program RRP dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik dengan kerjasama Maktab SOAS.

Program ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan dalam mendekati golongan remaja di sekolah-sekolah seluruh negara bagi memupuk kefahaman mengenai kenegaraan, meningkatkan kesedaran sivik, serta menggalakkan penyebaran maklumat yang tepat dan beretika dalam kalangan penuntut.

Selain itu, Program RRP bertujuan menanamkan nilai-nilai murni, semangat patriotik dan rasa cintakan negara melalui pendekatan pendidikan, interaksi dan hiburan terarah yang berimpak positif.

# Usahawan tempatan nadi penggerak ekonomi

**Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**



**DAYANG Normaizah binti Haji Yusof, salah seorang vendor yang menyertai Tutong Buzz 2026, ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei.**

**TUTONG**, Ahad, 14 Jun. - Dalam keadaan ekonomi terkini, vendor yang aktif menyertai pelbagai bazar, memainkan peranan penting dalam menggerakkan sektor keusahawanan tempatan.

Mereka bukan sahaja berusaha mencari rezeki yang halal, malah menjadikan bazar sebagai satu platform strategik untuk menambah pendapatan dan mengembangkan perniagaan mereka secara berterusan.

Kebanyakan vendor terdiri daripada usahawan kecil dan sederhana yang penuh dedikasi menceburi bidang perniagaan.

Mereka sanggup meluangkan masa, tenaga dan mengeluarkan modal untuk menyertai pelbagai acara bazar seperti Tutong Buzz 2026 yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bandaran Tutong, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkarai dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong (BKKT).

Menerusi penyertaan berkenaan, mereka berpeluang memperkenalkan produk makanan atau minuman kepada pelanggan baharu dan membina rangkaian perniagaan serta meningkatkan jenama mereka.

Minat yang mendalam terhadap bidang keusahawanan justeru menjadi pemangkin utama kepada kegigihan mereka.

Dalam hubungan ini, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual usahawan tempatan, Dayang Normaizah binti Haji Yusof, iaitu salah seorang vendor yang menyertai Tutong Buzz 2026.

Dayang Normaizah yang merupakan pemilik Dapur Popia HM menjelaskan bahawa beliau sering kali menyertai bazar Tutong Buzz dengan menjual pelbagai jenis popia goreng dengan harga yang berpatutan.

Menyentuh mengenai sambutan daripada pelanggan katanya lagi, Alhamdulilah sambutan positif yang diterima daripada para pelanggan menjadi pencetus semangat dan rezeki yang diperoleh turut berjaya meningkatkan aliran pendapatan beliau secara berterusan.

Namun begitu ujarnya lagi, terdapat juga cabaran semasa berniaga seperti tidak ramai pelanggan yang datang jika dalam keadaan cuaca hujan lebat.

"Namun saya tetap bersyukur dan ia tidak sesekali mematahkan semangat saya untuk berniaga," ujarnya lagi.

## HALUAN

>> Muka 2

Kepimpinan tertinggi negara juga sentiasa menekankan kepentingan untuk terus memperkukuhkan budaya kerja yang profesional, berintegriti dan berakauntabiliti, di samping memanfaatkan teknologi digital untuk mempercepatkan transformasi pentadbiran kerajaan.

Usaha memodenkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan perlu terus diperkasakan supaya urusan orang ramai menjadi lebih cepat, lebih mudah dan lebih cekap. Ini selaras dengan tuntutan Maqasid Syariah yang menekankan kepentingan memudahkan urusan masyarakat serta memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara.

Justeru, para peserta yang diraikan pada hari ini mempunyai peranan yang amat penting dalam usaha ini. Penyertaan dalam program kepimpinan ini bukan sekadar satu pencapaian peribadi, tetapi merupakan persediaan untuk memikul tanggungjawab kepimpinan yang lebih besar dalam Perkhidmatan Awam pada masa hadapan. Peramba / saya berharap para peserta akan kembali ke kementerian dan jabatan masing-masing sebagai pemimpin yang mampu menjadi pemangkin perubahan. Ini termasuklah bersedia menilai semula pendekatan lama yang tidak lagi relevan, memperkenalkan idea dan penyelesaian baharu, menggalakkan budaya inovasi dalam organisasi, serta memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Dalam masa yang sama, kejayaan transformasi Perkhidmatan Awam juga bergantung kepada kerjasama yang erat antara agensi kerajaan serta kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan. Pendekatan Whole-of-Government dan Whole-of-Nation perlu terus dibudayakan dan diperkukuhkan supaya setiap usaha pembangunan negara dapat dilaksanakan secara lebih bersepadu, berkesan dan memberi impak yang lebih besar kepada rakyat.

Walau sejauh mana transformasi yang kita laksanakan, kekuatan sebenar Perkhidmatan Awam tetap terletak pada nilai, integriti dan keikhlasan pegawai-pegawainya. Sebagai pemimpin dalam Perkhidmatan Awam, kita hendaklah sentiasa berpegang kepada sifat amanah dalam melaksanakan tanggungjawab, integriti dalam setiap keputusan yang dibuat, serta keikhlasan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan orang ramai.

Jawatan yang merupakan satu amanah besar yang perlu dipikul dengan penuh rasa tanggungjawab ini menuntut kita untuk sentiasa meletakkan kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan dalam setiap tindakan dan keputusan yang kita ambil.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi peramba / saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua peserta yang diraikan. Saya penuh yakin para peserta yang diraikan pada hari ini akan terus bersemangat tinggi untuk melangkah jauh ke hadapan sebagai pemimpin Perkhidmatan Awam yang berwibawa, berintegriti dan beriltizam untuk menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan negara.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*




# مغحياتي هجرة، ممڤربهاروي ميندا

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دغن منيغكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسوغڬوهڽ اورغ يغ ڤاليغ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورغ يغ ڤاليغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يغ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

الحمدلله، ببراڤ هاري لاڬي كيت اكن ملڠكه كتاهون بهارو ١٤٤٨ هجرية. ستياڤ كالي تيباڽ بولن محرم، إيڠتن كيت ڤستي كمبالي كڤد ڤريستيوا أڬوڠ ڤڠهجرهن رسول الله صَلَّىٱللَّٰهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ دري مكة المكرمة كمدينة المنورة، ڤريستيوا هجرة بوكنله سقدر ڤرڤيندهن دري سواتو تمڤت كسواتو تمڤت يغ لاين، بهكن مروڤاكن تيتيق ڤروبهن بسر دالم سجاره إسلام.

سجاره تله ممبوقتيكن بهاوا ڤريستيوا هجرة تله ممبوكا لمبرن يغ ساڠت أڬوڠ، بوكن سهاج دالم ڤركمبڠن أڬام إسلام، بهكن دالم سجاره تمدون مأنسي سلوروهن. ملالوي هجرة، رسول الله صَلَّىٱللَّٰهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ تله برجاي ممبنتوق أومت يغ برساتو ڤادو، ساليغ برسودارا دان بكرجاسام أتس داسر إيمان. مشاركت مدينة دباغونكن دغن برترسكن عقيدة يغ كوكوه، ڤرسوداراٴن يغ إيرت، كعاديلن، أمانه سرتا سيكڤ ساليغ مغحرمتي، درڤد سينيله لاهير سبواه تمدون يغ منجادي جونتوه كڤد أومت مأنسي.

نامون، باڬي كيت ڤد هاري اين، هجرة بوكنله سقدر ممڤرايڠتي ڤرڤيندهن رسول الله صَلَّىٱللَّٰهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ دري مكة المكرمة كمدينة المنورة لبيه درڤد ايت، هجرة هندقله دحياتي سباڬاي سواتو دوروڠن اونتوق ملاكوكن ڤروبهن كأره كبايكن دغن ممڤربهاروي ميندا، ممبرسيهكن جيوا، ممڤربايكي أخلاق دان منيغكتكن كطاعتن كڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دغن ملقسناكن سڬالا ڤرينته الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ سرتا منيڠڬلكن سڬالا لارڠنڽ.

كيت هندقله برهجره درڤد ڤركارا يغ كورڠ بايك كڤد يغ بايك، دان درڤد يغ بايك كڤد يغ لبيه بايك، درڤد صفة مذمومة كڤد صفة محمودة، اڬر كهيدوڤن كيت سنتياس براد دباوه رحمة دان كريضاءن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. **درڤد عبدالله بن عمرو** رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُمَا**، درڤد نبي محمد** صَلَّىٱللَّٰهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ **برسبدا: اَلْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُوْنَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ، وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللّٰهُ عَنْهُ. مقصودڽ: سأورڠ مسلم ايت اياله اورڠ يغ مڽلامتكن سودارا مسلم يغ لاين درڤد كجاهتن ليده دان تاڠنڽ. دان سأورڠ يغ برهجره اياله سياڤا يغ برهجره درڤد ڤركارا يغ دتڬه اوليه الله. {حديث روايت إمام بخاري}**

حديث اين منجلسكن بهاوا هجرة يغ ڤرلو كيت لقسناكن سچارا بترروسن اياله منيڠڬلكن سڬالا ڤركارا يغ دموركاي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. هجرة منونتوت كسوڠڬوهن اونتوق ممڤربايكي ديري. انتاراڽ درڤد كلالاين كڤد كطاعتن، درڤد صفة ممنتيڠكن ديري سنديري كڤد سيكڤ برتڠڬوڠجواب سرتا درڤد توتور كات يغ مڽاكيتي كڤد ڤركاتأن يغ ممباوا منفعت دان بربودي بهاس.

جماعه يغ درحمتي الله،

ستياڤ مسلم هندقله سنتياس ممبوات ڤرسديأن دالم ڤلباڬاي أسڤيك كهيدوڤن، انتاراڽ ممڤركوكوهكن كإيمانن، منيڠكتكن داي تاهن ديري، ممڤرلواس علمو ڤڠتهوان سرتا مموڤوق سماڠت جواڠ دالم ممڤرتاهنكن عقيدة دان أڬام. إسلام تيدق مڠاجر أومتڽ اونتوق هاڽ برڤلوق توبوه دان ميره كڤد كأدأن، سباليكڽ إسلام ممرينتهكن أومتڽ سوڤايا سنتياس برأوسها، برإختيار دان برجواڠ كأره كبايكن.

ملالوي أوسها دان كسوڠڬوهن ترسبوت، ڤنيڠكتن دالم أسڤيك كإيمانن، علمو ڤڠتهوان دان عملن اكن تروس بركمبڠ. اينله حقيقت كماجوان يغ سبنر يايت هجرة يغ ممباوا ڤروبهن درڤد كأدأن يغ كورڠ بايك كڤد يغ لبيه بايك سرتا منجاديكن سسأورڠ ايت لبيه دكت كڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. هجرة جوك منونتوت ڤروبهن ديري أڬر منجادي إنسان يغ لبيه برإيمان، برعلمو دان برأخلاق منوروت اجرن إسلام. هجرة سڤرتي اينله يغ ڤاليغ أوتام دان واجب دأوسهاكن اوليه ستياڤ مسلم يغ مُكَلَّف. الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة الرعد أية ١١:

**باڬي (ستياڤ) مأنسي اد ملائكة-ملائكة سيليه برڬنتي دري هادڤنڽ دان دري بلاكڠڽ يغ منجاڬڽ اتس ڤرينته الله. سسوڠڬوهڽ الله تيدق مڠوبه (كادأن) اڤ يغ اد ڤد سواتو قوم سهيڠڬله مريك مڠوبه (كادأن) اڤ يغ اد ڤد ديري مريك سنديري. دان اڤبيل الله مڠهندقي (اونتوق منيمڤاكن) كبوروقن (عذاب) كڤد سواتو قوم مك تيدق اد يغ داڤت منولقڽ. دان مريك تيدق ممڤرأوليهي ڤليندوڠ سلاين درڤدڽ.**

أية اين مڠايڠتكن كيت بهاوا ڤروبهن يغ بسر برمولا درڤد كسديأن اونتوق مڠوبه ديري سنديري. ميندا يغ بايك اكن ملاهيركن ڤرتيمبڠن يغ بيجقسان، هاتي يغ برسيه اكن مندوروڠ كڤد عملن يغ إخلاص دان أخلاق يغ موليا اكن ممباوا كبايكن كڤد مشاركت سلوروهن.

جماعه يغ درحمتي الله،

دغن منجلڠڽ تاهون بهارو ١٤٤٨ هِجْرِيَّة اين، ماريله كيت منجاديكن دتيق ڤرمولاءن تاهون بهارو اين سباڬاي ڤلواڠ اونتوق ملاكوكن ڤروبهن دالم ديري ملالوي هجرة ميندا. تاهون يغ سيليه برڬنتي بوكن سقدر ڤرتوكرن أڠكا، بهكن إي مروڤاكن ڤرايڠتن بهاوا ماس تروس برجالن دان أوسيا كيت سماكين بركورڠ. اوليه ايت، ستياڤ ڤرأليهن تاهون سهاروسڽ منجادي ساعت اونتوق كيت برمحاسبه، منيلاي ديري دان برتاڽ كڤد ديري سنديري: اڤكه ڤروبهن يغ تله كيت لاكوكن اونتوق منجادي همبا الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ يغ لبيه بايك درڤد سبلومڽ؟

جك ڤد زمان دهولو أومت إسلام برهادڤن دغن جابرن دالم بنتوق أنچمن فيزيكل دان ڤڤرڠن، ڤد هاري اين جابرن يغ كيت هادڤي سماكين كومڤليكس دان ڤلباڬاي. كيت بوكن سهاج بردڤن دغن جابرن فيزيكل، بهكن جوك جابرن ڤميكيرن، ڤڠيبارن فهمن يغ مڠليروكن، ڤڠاروه بودايا يغ برچڠڬه دغن نيلاي-نيلاي إسلام سرتا ڤڠڬوناٴن تيكنولوجي تنڤا باتسن دان ڤندوان يغ بتول.

لبيه ممبيمبڠكن لاڬي، تيدق سموا كاندوڠن يغ دسيباركن ملالوي ميديا دان تيكنولوجي ممباوا منفعت دان كبايكن. مك دالم مڠهاروڠي لمباڠن معلومت اين، أومت إسلام هندقله سنتياس برهاتي-هاتي دان ڤنوه بيجقسان كران تيدق سموا ڤركارا يغ مناريق ڤرهاتين واجر دڤرچايأي دان تيدق سموا يغ دتريما واجر دسيباركن. جك تيدق دڤندو دغن علمو، إيمان دان كبيجقسنأن، سسأورڠ اكن موده ترڤڠاروه دان هايوت دباوا أروس ڤركمبڠن يغ تيدق تركاول.

اوليه ايت، ماريله كيت سنتياس مڠعملكن سيكڤ تَبَيُّن يايت مڽليديق دان ممستيكن كصحيحن سسواتو معلومت سبلوم ممڤرچايأي اتاو مڽيباركنڽ، جاڠنله دسببكن اوليه كجواين كيت منجادي ڤڽيب ترسيبارڽ فتنة يغ بوليه مروسقكن كهرمونين دان ممضرتكن مشاركت. **درڤد أبو هريرة** رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ**، رسول الله** صَلَّىٱللَّٰهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ **برسبدا: إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ، يَنْزِلُ بِهَا فِي النَّارِ أَبْعَدَ مَا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ. مقصودڽ: سسوڠڬوهڽ سأورڠ همبا مڠأوچڤكن ڤركاتأن تنڤا دفيكيركن ترلبيه دهولو، دان كراناڽ دي ترجاتوه كدالم نراك سجاوه انتارا تيمور دان بارت. {حديث روايت إمام بخاري}**

جماعه يغ درحمتي الله،

ڬوناكنله ميديا سوسيال دان تيكنولوجي سباڬاي ميدن اونتوق مڽيباركن كبايكن، مڽمڤايكن دعوه، بركوڠسي علمو يغ برمنفعت سرتا مڠايرتكن صِلَةُ الرَّحِم سسام مأنسي. جاڠنله ڤولا كيت منجاديكنڽ سباڬاي تمڤت مڽيباركن فتنة، منجتوسكن ڤرموسوهن، ممبوكا عيب اورڠ لاين اتاو مڠهابيسكن ماس دغن ڤركارا يغ تيدق منداتڠكن منفعت. ستياڤ ڤركوڠسين، ڤنوليسن، كومين دان تيندقن يغ كيت لاكوكن دعالم مايا جوك مروڤاكن أمانه يغ تتڤ اكن دڤرتڠڬوڠجوابكن دهادڤن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ.

مك ماريله كيت برهجره درڤد سيكڤ لالاي كڤد سيكڤ يغ لبيه برتڠڬوڠجواب دان درڤد منجادي ڤڠڬونا تيكنولوجي يغ ليكا كڤد ڤڠڬونا يغ بيجقسان. سسوڠڬوهڽ هجرة ميندا أمت ڤنتيڠ كران ستياڤ ڤروبهن برمولا درڤد ڤروبهن دالم ڤميكيرن، هاتي دان جيوا. اڤبيل چارا برفيكير برأوبه كأره يغ لبيه بايك، سيكڤ دان تيندكن جوك اكن توروت برأوبه، ستروسڽ ممباوا كبايكن كڤد ديري، كلوارݢ دان مشاركت سلوروهن.

جماعه يغ درحمتي الله،

جاديكنله كداتڠن تاهون بهارو هجرة اين سباڬاي ڤلواڠ اونتوق مڠحياتي سماڠت هجرة دان ممڤربهاروي ميندا ملالوي محاسبه سرتا ڤنيلاين ديري دغن ڤنوه كإنصافن. رنوڠيله كمبالي سڬل ڤربواتن، توتوركات دان عملن يغ تله كيت لاكوكن دسڤنجڠ ڤرجالنن هيدوڤ اين، ڤربايكيله سڬالا كلمهن، برتوبتله درڤد سڬالا دوسا دان كلالاين، سرتا ڤربهارويله عزم اونتوق منجادي إنسان يغ لبيه بايك.

موده-مودهن دغن سماڠت مڠحياتي هجرة دان ممڤربهاروي ميندا، هاتي كيت منجادي سماكين برسيه، جيوا سماكين تنڠ. ڤميكيرن سماكين ماتڠ دان عزم سماكين تڬوه اونتوق ملاكوكن ڤروبهن كأره كبايكن. سموݢ كيت سموا دبريكن ككواتن اونتوق تروس بركانديڠ باهو دالم ممباڠونكن أڬام، مماجوكن بڠسا دان منسجهتراكن نڬارا، سرتا سنتياس براد دباوه ڤتونجوق دان رحمة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. آمين يا رَبَّ العالمين.

**دان سسياڤا يغ برهجره ڤد جالن الله، نسچاي دي اكن منداڤتي دموكا بومي اين تمڤت برهجره يغ لواس دان رزقي يغ بايق. دان سسياڤا يغ كلوار دري روموهڽ دغن توجوان برهجره كڤد الله دان رسولڽ، كمودين دي ماتي (دالم ڤرجالنن)، مك سسوڠڬوهڽ تله تتڤ ڤهلا (هجرهڽ) دسيسي الله. دان الله اداله مها ڤڠمڤون لاڬي مها ڤڠاسيه. {سورة النساء أية ١٠٠}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِاْلأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

فليتا بروني PELITA BRUNEI

# USAHA MEMPERKUKUH MOTIVASI, PEMBANGUNAN AKADEMIK, SAHSIAH PELAJAR

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman





MAJLIS Ikrar (The Pledge) Pelajar Tahun 11 2026 telah diadakan oleh Sekolah Sukan di Dewan Kuliah sekolah tersebut, baru-baru ini (kiri). Sementara gambar atas, semasa penyampaian ceramah motivasi khas, sebagai salah satu sesi utama dari program pada majlis berkenaan.

**BERAKAS**, Sabtu, 13 Jun. - Sekolah Sukan hari ini mengadakan Majlis Ikrar (The Pledge) Pelajar Tahun 11 2026 sebagai usaha memperkukuh motivasi, pembangunan akademik dan sahsiah pelajar Tahun 11 yang bakal menduduki peperiksaan BC GCE 'O' Level dan IGCSE, bertempat di Dewan Kuliah, sekolah tersebut, di sini.

Majlis yang bertemakan 'Komitmen terhadap Diri, Keluarga dan Masa Depan' berkenaan melibatkan kira-kira 138 peserta terdiri daripada pelajar Tahun 11, ibu bapa atau penjaga serta guru-guru Tahun 11 Sekolah Sukan.

Program berkenaan dirancang khusus bagi meningkatkan motivasi dan kesedaran pelajar terhadap kepentingan peperiksaan BC GCE 'O' Level dan IGSCE, di samping membantu mereka membina disiplin diri, kemahiran pengurusan masa serta sikap bertanggungjawab terhadap pembelajaran.

Selain itu, program tersebut juga bertujuan mengukuhkan kerjasama antara sekolah, ibu bapa dan pelajar dalam menyokong pencapaian akademik, selain menggalakkan pelajar menetapkan sasaran yang jelas dan realistik serta mengamalkan teknik pembelajaran yang lebih berkesan.

Majlis Ikrar Pelajar Tahun 11 diadaptasi daripada amalan baik institusi pendidikan di negara ini yang menjadikan majlis ikrar sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran serta memperkukuh iltizam pelajar terhadap tanggungjawab akademik mereka.

Penglibatan ibu bapa atau penjaga sebagai rakan sokongan utama juga penting dalam membantu pelajar lebih berdisiplin, berfokus dan bersedia menghadapi peperiksaan.

Sepanjang program tersebut, peserta mengikuti tiga sesi utama termasuk Majlis Ikrar Bersama Ibu Bapa atau Penjaga, di mana pihak sekolah menjemput Penceramah Motivasi dan Kaunselor, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor bagi menyampaikan ceramah motivasi khas.

Sesi kedua ialah Bengkel Pengurusan Masa dan Bengkel Teknik Belajar yang dikendalikan oleh kaunselor-kaunselor Sekolah Sukan, Dayang Suziana Ibrahim serta Dayang Rosniza binti Keri.

Program tersebut diakhiri dengan sesi Refleksi dan Tindakan yang dikendalikan oleh Dayangku Hanis Farwizah binti Pengiran Haji Hamdan dan Dayang Hidayatul Salikin binti Haji Sufri Perizan, penuntut Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dalam latihan mengajar.

# 2 ahli PPPBD sertai Persidangan Dunia WAGGGS Ke-39 di Kemboja

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



DUA orang ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), iaitu Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini selaku ketua rombongan; dan Pesuruhjaya Antarabangsa PPPBD, Dayang Nasriah binti Awang Nasib, akan menyertai '39th World Association of Girl Guides and Girl Scouts (WAGGGS) World Conference' anjuran WAGGGS dari 16 Jun hingga 19 Jun 2026, di Siem Reap, Kemboja.

**BERAKAS**, Sabtu, 13 Jun. - Seramai dua orang ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) akan menyertai '39th World Association of Girl Guides and Girl Scouts (WAGGGS) World Conference' anjuran WAGGGS bermula 16 Jun hingga 19 Jun 2026, bertempat di Siem Reap, Kemboja.

Dengan membawa tema 'We see. We care. We act.', persidangan dunia yang lazimnya diadakan sekali setiap tiga tahun ini telah dihoskan oleh Girl Guides Association of Cambodia (GGAC) buat kali ini.

Dua orang ahli PPPBD berkenaan terdiri daripada Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini selaku ketua rombongan; dan Pesuruhjaya Antarabangsa PPPBD, Dayang Nasriah binti Awang Nasib.

Antara yang hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Noriah binti Haji Dollah bersama beberapa ahli PPPBD.

Antara objektif utama persidangan berkenaan adalah bagi meneroka strategi yang efektif untuk perkembangan dan kemajuan gerakan kepanduan; dan menggubal dasar dan mengundi ahli-ahli World Board WAGGGS.

Begitu juga persidangan berkenaan bermatlamat untuk membincangkan mengenai dan meluluskan *proposed motion* yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli penuh WAGGGS; dan mewujudkan peluang untuk ahli-ahli membangun jaringan, berkongsi pengalaman dan pengetahuan serta sentiasa mengikuti perkembangan semasa dan terkini dunia kepanduan.

Sebanyak lebih dari 100 buah organisasi ahli WAGGGS yang akan menyertai persidangan dunia berkenaan.

Antara pengisian persidangan ialah pelbagai sesi bengkel dan perbincangan mengenai praktik-praktik terbaik bagi sama-sama mengembangkan kemahiran dan pengetahuan ahli-ahli serta sesi meluluskan *proposed motion* juga sesi pengundian calon-calon ahli World Board WAGGGS.

Oleh yang demikian, dengan adanya penyertaan PPPBD dalam persidangan ini diharap akan dapat membantu dalam meningkatkan kepimpinan, kualiti, potensi dan kapasiti ahli-ahli PPPBD serta memperbaharui dan mempelbagaikan program-program persatuan yang sedia ada.

Ini juga dihasrat untuk lebih menarik minat golongan perempuan daripada peringkat kanak-kanak ke wanita muda dan dewasa untuk menyertai PPPBD dengan penerapan kaedah dan pendekatan yang lebih efektif serta mengembangkan dan memperluas hasil kerja persatuan melalui kolaborasi bersama badan-badan atau agensi-agensi yang berkaitan.


MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1. **'Makanan Segera dan Risiko Terhadap Kesihatan'**. Tarikh Tutup : **17 Jun 2026**
2. **'Peranan Belia dalam Pembangunan Negara'**. Tarikh Tutup : **24 Jun 2026**
3. **'Keselamatan Data Peribadi dalam Era Digital'**. Tarikh Tutup : **1 Julai 2026**

TERMA DAN SYARAT :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
*pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tawaran Terbuka Bagi Membekal Dan Menghantar Terus Buku Aktiviti Pra Sekolah**

**MOE / LTK / 21 / 2026 / 2027 (JPK-JUN-2026)**
Terus Buku Aktiviti Pra Sekolah Bagi Kemasukan Tahun 2027 Ke Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan Dan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**
30 Jun 2026
Selasa,
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
JDBM / Q / 21 / 2026

**Tawaran:**
Penyewaan Dan Pemasangan Platform Laluan Khemah Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bagi Daerah Brunei Dan Muara.

**Bilangan Tawaran :**
JDBM / Q / 22 / 2026

**Tawaran:**
Membekal Dan Memasang Label Pada Khemah Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bagi Daerah Brunei Dan Muara.

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 23 Jun 2026

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

**Pengiklanan Jawatan Kosong Peraturan 7(A)**

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mempelawa pemohon-pemohon tempatan yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan-jawatan akademik seperti berikut:

**Jawatan:**
Profesor Madya
(PT 4)

**Tangga Gaji:**
PT4
(BND6,800 - BND7,010)
sebulan

**Kekosongan Jawatan:**
Satu (1)

**Bidang:**
Ahli Sunnah Wal Jamaah

**Tatacara Permohonan**

Borang permohonan - borang KUPU SB/P1 bolehlah dimuat turun dengan melayari laman *web: www.kupu-sb.edu.bn*

Kolej Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya permohonan-permohonan yang memenuhi syarat dan disenarai pendek (shortlisted) sahaja akan dihubungi untuk menjalani sesi ujian / temuduga.

Jika tiada maklum balas diterima dalam tempoh enam (6) bulan atau lebih, permohonan dianggap tidak berjaya.

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Bahagian Pentadbiran
Pejabat Pendaftar
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Bandar Seri Begawan
BA2111
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Buka Permohonan**
Isnin,
15 Jun 2026

**Tarikh Tutup Permohonan**
Rabu,
15 Julai 2026

**Rujukan Iklan:**
KUPU SB/PJW/6.01/26-2

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam Akta Agensi Keselamatan (Penggal 187)**

**Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan**

**Tarikh Buka Sebut Harga:**
Isnin, 15 Jun 2026

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran pada:**
Isnin, 29 Jun 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Selasa, 30 Jun 2026
Jam, 2.00 Petang

**Bil. Tawaran:**
KHEDN / LTK / 2026-09

**Tajuk Projek:**
Term Contract [36 Months ] For The Provision Of Security Guard To The Compound Area At Taman Mahkota Jubli Emas [TMJE], Bandar Seri Begawan.

**Bilangan Projek:**
KHEDN / UPE / 2109-02

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Sebut Harga:**
ITQ / T / 2105 / 01 / 26 - 27
Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing And Comissioning Kampus Kekal Institut Tahfiz Sultan Haji Hassanal Bolkiah Public Address System (PA System)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 1 Julai 2026

**JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**1. JPt / SH / 08(A) / 2026 - 2027**
Replacement, Installation and Commissioning of One (1) Unit Compressed Air Generator For Shimadzu AAS-7000

**2. JPt / SH / 28 / 2026 - 2027**
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Ke Atas Paip-Paip Utama dan Pembahagian Pengairan Di Kawasan Kemajuan Pertanian Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**3. JPt / SH / 29 / 2026 - 2027**
Kerja-Kerja Pemeliharaan Jalan Ladang Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Daerah Brunei Muara

**4. JPt / SH / 30 / 2026 - 2027**
Membekal Dan Menghantar Media Kit Dan Consumables Untuk Makmal Mikrobiologi

**5. JPt / SH / 31 / 2026 - 2027**
Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Plumbing And Sanitary Systems Including Associated Works At Department Of Agriculture And Agrifood Buildings For A Period Of Two (2) Years.

**6. JPt / SH / 32 / 2026 - 2027**
Soil Investigation Works As Preliminary Works For The Proposed Electrical Infrastructure At Kawasan Kemajuan Pertanian Labu Estate

**7. JPt / SH / 33 / 2026 - 2027**
Pump Operation Services At Imang Dam Irrigation Station, Kg Panchor Murai, Brunei Muara District For One (1) Year

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
23 Julai 2026.

**Borang Sebut Harga:**
BND7.00

**JPt / TAW / 03 / 2026 - 2027:**
Membekal Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Bagi Kawasan dan Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Selama Dua (2) Tahun.

(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
21 Julai 2026.

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0016 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
To Facilitate The Provision Of Pilotage Services, Including The Management Of All Required Documentation For The Implementation Of The Marine Resource Survey In The Waters Of Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 25 Jun 2026

**JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Tawaran:**
JPH / 2105 / TAW / 412 / 2026 – 2027
Membekal Dua (2) Unit Kereta Pacuan Empat Roda (4WD) Double Cab Vehicle Bagi Kegunaan Jabatan Perhutanan

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):**
BND10.00

**Borang Tawaran:**
BND15.00

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
-Tidak Dikembalikan-

**Tarikh Tutup Tawaran:**
30 Jun 2026
2.00 petang

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**
II, III, IV atau V

**Kategori**
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
7 Julai 2026

**Tarikh Tutup Pada:**
Selasa,
14 Julai 2026
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas,

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**
II, III & IV

**Kategori:**
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
15 Jun 2026
(Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
7 Julai 2026
(Selasa)

Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T004 / 2026**
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap Dari Jalan Residency Hingga Jalan Kota Batu Menuju Muzium Brunei (Zone A) Dan Kotak Penanaman Sedia Ada Di Sepanjang Kawasan Promenade Waterfront Di Jalan Residency (Zone B), Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun.

**No. Projek:**
JASTRE / BL / T004 / 2026

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Non Refundable)

**Tarikh Tutup Pada:**
14 Julai 2026
(Selasa)
Sebelum Jam
2.00 petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T006 / 2026**
Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Landskap Dan Penyelenggaraan Jalan Susur Dan Kawasan Tengah Lebuh Raya Muara – Tutong Dan Lebuh Raya Tungku Fasa 3.

**No. Projek:**
JASTRE / BL / T006 / 2026

**JASTRE / BL / T007 / 2026**
Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Landskap Dan Penyelenggaraan Landskap Sepanjang Jalan Kiulap.

**No. Projek:**
JASTRE / BL / T007 / 2026

**JASTRE / BL / T008 / 2026**
Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Landskap Dan Penyelenggaraan Landskap Sepanjang Jalan Gadong.

**No. Projek:**
JASTRE / BL / T008 / 2026

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND 30.00
(Non Refundable)


**PERATURAN PENGIKLANAN**
**(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**
BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400**
**sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**


**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Tawaran:**
EGNC / PM / 4.1 / 4.2026
Comprehensive Maintenance for Exchange Environment for 12 Months, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
28 Julai 2026

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**1. Bilangan Tawaran:**
(44) JBS / ADM / QC / 2026

**Keterangan:**
Air-Conditioning System Term Maintenance for A Period of Thirty Six (36) Months For
1. Games Village and Marching Field (Padang Kawad), HBNSC
2. Hockey Stadium, HBNSC
3. Squash Centre, HBNSC
4. Lawn Hall, HBNSC
5. Petanque Court, HBNSC
6. Top Spinning Court (Gelanggang Gasing) HBNSC2

**2. Bilangan Tawaran:**
(45) JBS / ADM / QC / 2026

**Keterangan:**
Air-Conditioning System Term Maintenance for A Period of Thirty Six (36) Months For
1. Hassanal Bolkiah National Stadium
2. Track and Field, HBNSC
3. Tennis Court, HBNSC

**3. Bilangan Tawaran:**
(46) JBS / ADM / QC / 2026

**Keterangan:**
To Propose, Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Maintenance and Warranty of Close Circuit Television (CCTV) System at Games Village, HBNSC

**4. Bilangan Tawaran:**
(47) JBS / ADM / QC / 2026

**Keterangan:**
Penambahan Stok Simpanan Unit Pusat Stor, Jabatan Belia dan Sukan bagi Toner Catridge Printer Brother L2460 dan Ink Printer Brother MFC - J2740DW

**5. Bilangan Tawaran:**
(48) JBS / ADM / QC / 2026

**Keterangan:**
Membekalkan Pasir Laut Yang Sudah Bersih / Yang Sebanding Dengannya Bagi Kompleks-Kompleks Di Bawah Jabatan Belia dan Sukan Di Keempat-Empat Daerah

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
2 Julai 2026

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
04 / JMM / S / 12 / 91
(2026/2027)
Penyewaan dan Operasi Kedai Cenderamata Muzium Brunei, Bagi Tempoh 5 Tahun, Aras Bawah Muzium Brunei, Kampung Kota Batu

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
9 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:**
06 / BBS / SH / 2026 – 2027
Fabricate, Supply, And Delivery Of Screen Partitions For Gerai Komplek Sri Selera Seria, Jalan Kemantin Seria

**Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:**
11 / BBS / SH / 2026 – 2027
Kerja – Kerja Pembaikkan Bangunan Dewan Persidangan Kuala Belait, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Mckerron, Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(***Non Refundable***)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1678) / 2026 / HTD (B9)
To And Deliver Spare Parts For Portable Suction Machine, Brand: Mg Electric For Department Of Dental Services. Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1679) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Kavo Dental Handpiece Cleaner, Model: Quattrocare 2104A, BME5988 (S/N: 1119427) At National Dental Centre Block A, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1680) / 2026 / HTD (B8)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Two (2) Units Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME1800(S/N: FB14I0017) For Room 5 And Bme1337 (S/N: FB12K0123) For Room 1 At Suri Seri Begawan Hospital, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1681) / 2026 / HTD (B9)
To Supply And Deliver Spare Part For Newmed Midmark Autoclaves Model: Dentisure B18 For Department Of Dental Services. Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 49 / 2026
1.) Diazepam 2mg oral solid preparation preferably tablet - Qty: 30 x 50's
2.) Premix Potassium Chloride 20mmol in water for injection for intravenous use in 100ml bag (preferably with a good shelf life of at least 18 months) - Qty: 500 x 100ml

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 50 / 2026
1.) Diazepam 5mg/ml x 2ml - Qty: 50 x 10's
2.) Isoprenaline or isoproterenol injection 0.2mg/ml in 5ml ampoule - Qty: 10 x 10's

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 51 / 2026
1.) Lamotrigine 5mg dispersible tablet as Lamictal or its equivalent - Qty: 400 x 30's
2.) Coal tar solution BP (liquor Picis Carbonis) - Qty: 25 x 1 liter

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 52 / 2026
1.) Emulsifying Wax - Qty: 400 x 500g
2.) Disodium pamidronate injection 30mg - Qty: 90 vials

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 53 / 2026
Adrenaline 1mg/10ml (1:10,000) injection in Prefilled Syringe - Qty: 60 x 10's

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPM / PROC / 2026 / <50K / 003 (RPHL) – IKN
Invitation To The Provision Of Venue And Meeting Packages (Inclusive Of Refreshments) For RPHL Network Annual Partnership Forim 2026 For The Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPM / PROC / 2026 / <50K / 002 (ADM) - IKN
To Supply And Deliver Double Wall Corrugated RSC Brown Box With Printing For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1622) / 2026 / HTD (A20)
One Off Preventive Maintenance Services For Five (5) Units Of Foss Equipment At Food Chemistry, Department Scientific Services

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1683) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Water Distiller, Brand: GFL, Model: 2008, BME1851 (S/N: 11299215) At Berakas Health Clinic For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1682) / 2026 / HTD (B9)
One-Off Preventive Maintenance For One (1) Unit Of Dental Chair Complete System, Model: Compact i5, S/N: UPCV574500 At Istana Nurul Izzah Clinic

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1674) / 2026 / HTD (B4)
To Repair One (1) Unit Of Ultrasound, Brand: Ge Healthcare, Model: LOGOQ V5 Expert At Icu 2, RIPAS Hospital

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1673) / 2026 / HTD (B4)
Trade In Medilog Ar Holter Recorder At Heart Centre, RIPAS Hospital (WO:2026-10625)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1648) / 2026 / HTD (B8)
Supply And Deliver Of Vital Sign Accessories For Brand: Creative Medical, Model Pc-900plus For Biomedical Engineering Section, RIPAS Hospital

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1592) / 2026 / HTD (A20)
One Off Preventive Maintenance Services For Two (2) Units Of Biotiek Absorbance Microplate Readers At Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
DSS / HS / PROC / B50K / 2026-2027 / 014 (ENV)
To Supply And Deliver Anions Standard Solution (Clustering) To Environment Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
MOH / HPC / QTN / 26-27 (02)
The Management And Operation Of HPC Cafe For Health Promotion Center (HPC), Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years (Rental)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
(57) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of Office Chairs For Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Non-Clustering)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
(58) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Transfer Of Esco Laminar Flow Cabinet, Model IVF-4A1, SN: 2009-39370 At Clinical Chemistry Lab And Airtech Biosafety Cabinet, SN: JZ2021073498 At Microbiology Lab At Suri Seri Begawan, Kuala Belait

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
(14)IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / PAEDIATRIC DEPARTMENT
Supply And Delivery Of Medical Consumables For (Neonatal Unit) Paediatric Department At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
DSS / HS / PROC / B50K / 2025-2-26 / 021 (PCY)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of PH/ISE Meter For Pharmacy Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
(03) PPN / QTN / 2026 (LAB)
Supply And Delivery Of Laboratory Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
11 / QTN / JPK / 2026
Upgrading Work For New Water Tanks (For Domestic & Fire Hosereel) And Pipe Rerouting Works, Pengkalan Batu Health Centre

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
DSS / AQ / PROC / B50K / 2025-2-26 / 004 (QC)
To Supply, Deliver, Test And Commission Four (4) Units Calibrated Temperature, Humidity And Pressure (THP) Data Loggers With External Sensors For Quality & Compliance Section, Department Of Scientific Services

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
MOH / HPC / QTN / 25-26 (03) / GA
To Supply, Delivery And Commission Point-Of-Care Glicose Strips, Cholesterol Strips And General-Purpose Lancets For Health Promotion Centre For A Period Of Two (2) Years - Clustering

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1685) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Delivery And Install Spare Parts For Four (4) Units Of Autoclave, Brand: Midmark, Model: Dentisure, BME29622 (S/N: DB1NCJ1409), BME25801 (S/N: DB1NCJ1396), BME23007 (S/N: DB1NCJ0090), BME25747 (S/N: DB1NCJ1386) And BME23010 (S/N: DB1NCJ0093) For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
(04) PPN / QTN / 2026 (LAB)
Supply And Delivery Of Laboratory Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
10 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Of Two Thousand (2,000) Pieces Of Wound Measurement Paper Ruler For All Health Centre, Department Of Health Services

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
(56) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
PU Injection Grouting Works To 3rd Floor Lobby Hallway Ceiling Slab, MOH Hq, Ministry Of Health

**Yuran Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Sabtu, 20 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
(II Sahaja)

**Kategori:**
[KA01 & P02 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
9 Jun 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 002 / 2024

**Nama Projek:**
36 Bulan Kontrak Penggal Bagi Penyediaan Tenaga Mahir Bagi Menjalankan Penyelenggaraan TOC Analyzer Termasuk Pemasangan Analyzer Tambahan Bagi Loji Rawatan Air Bukit Barun Dan Layong, Jabatan Perkhidmatan Air, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 004 / 2024

**Nama Projek:**
36 Bulan Kontrak Penggal Bagi Penyediaan Tenaga Mahir Bagi Menjalankan Penyelenggaraan Analyzer Kualiti Air Bagi Stesen Pemantauan Kualiti Air Sungai Mau Dan Sungai Badas, Jabatan Perkhidmatan Air, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / MMD / 008 / 2026

**Tajuk Tawaran:**
Supply And Delivery Of Auxiliary Spare Parts For GTG18 At SHOASSKW Power Station Lumut

**Tarikh Tutup:**
23 Jun 2026
Selasa,
2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913

**Kelayakan:**
Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Registry of Companies and Business Names Division (ROCBN)

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh di Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga,
Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.

---

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / DIS / 134 / 2025

**Tajuk:**
Wayleave Maintenance Of 28ft / 35ft Of 415V/11KV Overhead Line And Poles In Brunei Muara District For A Period Of Three (3) Years (Recall)

**Tarikh Tutup:**
23 Jun 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang )

**Harga Dokumen:**
BN100.00
(Tidak Dikembalikan )

**Tempat Tutup:**
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

---

**JABATAN DAERAH BELAIT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
JDB / BKPD / SH / 09 / 2026

**Tajuk Tawaran:**
Pembaikan Kerosakan Grating Dan Penambahan Sokongan Beban Besi Grating Longkang Di Kawasan Letak Kereta Bangunan Jabatan Daerah Belait

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
30 Jun 2026 (Selasa)

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
12 / BBS / SH / 2026 - 2027

**Keterangan Projek:**
Removal Of Litter And Majlis Ramah Mesra Rakyat At Padang Bandaran And Dewan Persidangan Kuala Belait In Conjunction With The 80th Birthday Celebrations Of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan Of Brunei Darussalam, 2026.
(12/BBS/SH/2026-2027)

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Non Refundable)

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
23 Jun 2026

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran dan Keterangan Projek:**
14 / BBS / SH / 2026 – 2027
(RE-Q)
Pembaikan Elektrik Dewan Persidangan, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Mckerron, Kuala Belait

**Kategori:**
E01 / Pemasangan Pendawaian Elektrik

**Kelas:**
Kelas 1

Dibukakan kepada pemborong - pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(***Non Refundable***)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
22 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran:**
The Supply, Delivery, Installation And Configuration Of Digital Indoor Clock At Terminal Building Brunei International Airport
TERMINAL / 2026 – 2027 / SH-03

**Tarikh Iklan/Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
10 Jun 2026,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
23 Jun 2026,
Selasa

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
24 Jun 2026, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
KKBS / OBBD / F-003 (04-2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Membekal Peralatan Dan Perkakas Air Bagi Mengendalikan Kegiatan / Aktiviti Di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD),
Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
Term Contract For Twelve (12) Months Road Repair Works To Runway, Taxiway, Apron And Access Roads At Brunei International Airport – FSOR
AME / 2026-2027 / SH-21
**(Kelas II atau ke atas)**

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran / Sebut Harga:**
Rabu, 3 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Selasa, 23 Jun 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 24 Jun 2026

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / TL / TA / 6008
Pembelian Pangkat Slip On, Epaulette Dan Patches Bagi Kegunaan Baju Uniform Pegawai Dan Anggota Tentera Laut Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 30 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
7 Julai 2026
2.00 Petang

# IMBASAN MINGGUAN





SEBAHAGIAN penuntut yang menyertai pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) serta Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

INISIATIF tanamkan minat membaca dalam kalangan masyarakat terutamanya kalangan kanak-kanak adalah penting bagi pembangunan masyarakat berdaya saing melalui Program Bestari Readers sempena Hari Buku Sedunia 2026 anjuran Sekolah Rendah Dato Othman, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lambak Kiri. - Foto : Nurdiyanah Rajami.



PARA peserta Program Literasi Penerangan semasa membuat lawatan ke Syarikat Beauteleven dan seterusnya mendengarkan taklimat mengenai latar belakang penubuhan serta perkembangan syarikat tersebut. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



ANTARA yang hadir mendengarkan Ceramah Khas pada Program Ceramah Khas Wanita sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2026 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



KEMPEN Kebersihan Coastal Marvel di sepanjang persisiran Pantai Seri Kenangan bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam memelihara alam sekitar. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



SALAH satu aktiviti yang diadakan semasa Pesta Makan Tahun Pantai Jerudong Tahun 2026 anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B' dengan kerjasama MPK Jerudong 'A' dan Persatuan Warisan Kedayan Kampung Jerudong serta disokong oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara, bertempat di Pantai Siadang. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

# 38 MURID DIRAIKAN PADA MAJLIS KHATAM AL-QURAN





**PEMANGKU Ketua Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Suherdey bin Serbini (kiri) hadir selaku tetamu khas di Majlis Khatam Al-Quran Sekolah Ugama Masin (atas).**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**MULAUT,** Sabtu, 13 Jun. - Dalam usaha meningkatkan penghayatan Al-Quran dalam kalangan murid sekolah ugama, Sekolah Ugama Masin petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 38 murid Darjah VI (sesi petang) berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, di sini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 22 murid terdiri daripada murid lelaki, manakala 16 orang lagi ialah murid perempuan yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Ketua Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Suherdey bin Serbini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Selawat Tafrijiyyah dan doa sebelum membaca Al-Quran.

Bacaan Surah Al-Fatihah kemudiannya dipimpin oleh tetamu khas diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam. Acara diteruskan dengan bacaan Takhtim serta Doa Khatam dipimpin oleh Awang Muhammad Khalis Zakwan bin Muhammad Herman.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sijil kepada para peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu khas serta persembahan Dikir Marhaban sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Dengan sokongan dan kehadiran para ibu bapa, Majlis-majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di persekolahan ugama juga antara lain merupakan salah satu usaha berterusan pihak Jabatan Pengajian Islam dalam mengukuhkan penghayatan hidup beragama dalam kalangan murid-murid dan seterusnya sama-sama mengukuhkan syiar Islam di negara ini.



**ANTARA ibu bapa / penjaga murid yang diraikan hadir di majlis tersebut.**


MYCE 2026 EVENT SCHEDULE

BRUNEI
ABODE OF PEACE

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION MYCE 2026

ڤرسيدڠن دان ڤاميرن ڤرتڠهن
تاهون بروني 2026

*Environment*
**Brunei Darussalam Expedition on Sustaining Our Oceans: Innovation, Governance and Resilience for a Blue Future (Expedition)**
4th – 6th May 2026 · Sekitar Perairan Pulau Pelong-Pelongan, Brunei Darussalam

*Current Affairs*
**Governance in Crisis: Risk, Reputation and Board Accountability**
20th May 2026 · Radisson Hotel, Brunei Darussalam

*Environment*
**Ocean Week Brunei Launch**
2nd June 2026 · Pro Chancellor Arts Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD)

*Environment*
**Brunei Darussalam Conference on Sustaining Our Oceans: Innovation, Governance and Resilience for a Blue Future (Conference)**
2nd – 4th June 2026 · Pro Chancellor Arts Centre, UBD

*Technology & Innovation*
**Robotic Coding Conquest**
2nd – 7th June 2026 · Universiti Teknologi Brunei (UTB)

*Islamic*
**Persidangan Media Islam Serantau Dalam Era Digital (Regional Islamic Media Conference In Digital Era)**
2nd – 4th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

*Technology & Innovation*
**6th AUN-Technology Enhanced Personalised Learning (AUN-TEPL) Symposium**
3rd – 4th June 2026 · Universiti Brunei Darussalam (UBD)

*Technology & Innovation*
**Turning Data into Decision: Incorporating Technology into Governance**
6th June 2026 · TBC

*Environment*
**Brunei Sustainable Food & Nutrition Week (World Food Safety Day)**
7th June 2026 · Proposed Hybrid Venue (Including Farms & Restaurant)

*Environment*
**Ocean Week Brunei Film Screening & Dialogue: Fisheries, IUU Fishing & the Future**
8th June 2026 · One Cineplex, One City

*Current Affairs*
**International Symposium on Educational Development**
9th – 10th June 2026 · UBD Chancellor Hall & The Empire Brunei

*Islamic*
**Islamic Architecture Symposium**
10th – 14th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

*Environment*
**Mangrove Project Launch**
11th June 2026 · Mentiri area or Serasa Fish Farm area

*Environment*
**Sea Turtle Night Walk**
11th June 2026 · Muara Beach

*Current Affairs*
**Threads of India: A Showcase of Indian Textiles and Fashion**
12th June 2026 · Multipurpose Hall, High Commission of India

*Environment*
**Brunei Ocean Exhibition**
12th – 14th June 2026 · One City Mall

*Environment*
**Beach Clean Up & Launch of Turtle Hatchery**
14th June 2026 · Tanjung Batu Beach

*Technology & Innovation*
**Dynamik Series of Business Events 2026 – Knowledge. Partnerships. Growth (Main Event)**
15th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

*Environment*
**Brunei Sustainable Food & Nutrition Week (Sustainable Gastronomy Week)**
15th – 28th June 2026 · Proposed Hybrid Venue (Including Farms & Restaurant)

*Technology & Innovation*
**UBD-Snibe Symposium 2026**
20th – 21st June 2026 · Pro-Chancellor Arts Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD)

*Technology & Innovation*
**Dynamik Series of Business Events 2026 – Knowledge. Partnerships. Growth (Hackathon)**
21st – 29th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

*Islamic*
**Brunei Islamic Economy Conference (BIE-CON) 2026**
24th - 25th June 2026 · Mulia Hotel, Brunei Darussalam

*Technology & Innovation*
**The 2nd AUN Dx (Digital Transformation) Thematic Network Annual Meeting**
25th – 26th June 2026 · Universiti Brunei Darussalam (UBD)

*Current Affairs*
**ASEAN-Korea Youth Network Workshop**
28th – 30th June 2026 · Universiti Brunei Darussalam (UBD)

*Technology & Innovation*
**Sustainable Ready Industry-5.0: Ai, Research And Innovation (Sr5-Airi)**
29th June – 1st July 2026 · Universiti Teknologi Brunei (UTB)

*Islamic*
**Simposium Pendidikan Tahfiz Di Negara Brunei Darussalam Kali Kedua**
30th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

*Islamic*
**Seminar On Halal Food Services In Tourism: Operational Best Practices**
1st – 2nd July 2026 · Hotel (TBC)

*Environment*
**UBD-AUN Summer Camp 2026**
1st – 10th July 2026 · TBC

*Environment*
**Fisherman Day Celebration / Hari Nelayan**
2nd July 2026 · MPABD Port, Kuala Belait

*Environment*
**Future Ocean Changemakers Youth Forum**
6th – 7th July 2026 · Pro Chancellor Arts Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD)

*Islamic*
**International Conference On Community Outreach & People Empowerment (Ic-Cope 2026)**
6th – 7th July 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

*Technology & Innovation*
**Brunei Odyssey 2026**
7th – 16th July 2026 · Universiti Teknologi Brunei (UTB)

www.bruneitourism.com/myce

# WASPADA DENGAN PENIPUAN DALAM TALIAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**BAHAGIAN Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menyampaikan taklimat bertajuk 'Penipuan Dalam Talian' kepada kakitangan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dalam dua sesi berasingan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 14 Jun. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menyampaikan taklimat bertajuk 'Penipuan Dalam Talian' kepada kakitangan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dalam dua sesi berasingan pada 8 dan 10 Jun 2026.

Sesi pertama diadakan di Executive Lounge, Ibu Pejabat BIBD dan dihadiri oleh 52 orang kakitangan, manakala sesi kedua berlangsung sempena Program Siri Bicara Inspirasi (BISAI) KKBS bertajuk 'Amanah Digital: Tanggungjawab Penjawat Awam Dalam Menangani Jenayah Siber' dengan kehadiran 117 orang pegawai dan kakitangan kementerian tersebut.

Taklimat tersebut menekankan ancaman penipuan dalam talian yang semakin berleluasa, termasuk cara mengenal pasti tanda awal mangsa yang berkemungkinan tertipu seperti kelihatan cemas, tergesa-gesa melakukan transaksi, menerima arahan melalui panggilan atau mesej semasa berurusan, serta tujuan transaksi yang mencurigakan.

Turut dikongsikan ialah langkah-langkah tindakan apabila mengesan maklumat yang meragukan, serta kepentingan membuat laporan melalui Talian Bantu Penipuan Dalam Talian 16993 bagi membolehkan tindakan segera diambil.

Taklimat seumpama ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan PPDB dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai jenayah siber serta memperkukuhkan kerjasama dengan pelbagai agensi dan organisasi dalam membendung kegiatan penipuan dalam talian.

## PPDB tumpaskan kegiatan tidak bermoral



**SERBUAN yang dijalankan di kawasan Kampung Salambigar dan Kampung Lumapas telah menahan dua orang wanita warganegara tempatan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 14 Jun. - Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat (USPPPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menahan dua orang wanita warganegara tempatan dalam dua serbuan berasingan yang dijalankan di kawasan Kampung Salambigar dan Kampung Lumapas, Daerah Brunei dan Muara.

Serbuan pertama menyaksikan penahanan seorang wanita warganegara tempatan berumur 39 tahun di sebuah bilik sewa di kawasan Kampung Salambigar yang dipercayai terlibat dalam kegiatan tidak bermoral.

Serbuan kedua pula mengakibatkan penahanan seorang lagi wanita warganegara tempatan berumur 29 tahun di kawasan Kampung Lumapas, yang disyaki bersubahat dan turut terlibat dalam kegiatan yang sama.

Kedua-dua suspek beserta barang-barang rampasan telah dibawa ke pejabat USPPPM untuk siasatan lanjut.

PPDB menegaskan komitmennya dalam membanteras kegiatan maksiat dan jenayah moral demi menjaga ketenteraman serta kesejahteraan masyarakat.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan aktiviti seumpama ini digalakkan untuk menghubungi PPDB melalui talian kecemasan 993.

## Lelaki tempatan ditahan, dipercayai terlibat kes kecurian kenderaan



ANTARA kenderaan dan motosikal yang berjaya ditemui oleh Unit Siasatan Pecah Rumah dan Curi Kereta, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (atas dan bawah kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 13 Jun. - Unit Siasatan Pecah Rumah dan Curi Kereta (USPRCK), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah menahan seorang lelaki tempatan berumur 43 tahun yang dipercayai terlibat dalam beberapa kes kecurian kenderaan secara bersiri. Hasil siasatan mendapati suspek dipercayai terlibat dalam lapan kes kecurian kereta, satu kes kecurian motosikal dan satu kes kecurian barang dari dalam kenderaan yang berlaku di beberapa lokasi merentasi Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait.

Suspek telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret, dan Pendakwa Raya memohon perintah reman bagi melengkapkan penyediaan pertuduhan melibatkan kesemua kes berkenaan. Mahkamah membenarkan permohonan berkenaan dan suspek kini ditahan di Penjara Maraburong sementara menunggu pertuduhan dibacakan.

Sehubungan itu, PPDB menasihatkan pemilik kenderaan agar sentiasa memastikan kenderaan dikunci dengan sempurna, tidak meninggalkan kunci atau barang berharga di dalam kenderaan, serta meletakkan kenderaan di kawasan yang selamat dan mempunyai pencahayaan yang mencukupi.

Pemilik kenderaan yang lama turut digalakkan memasang ciri-ciri keselamatan tambahan seperti alat penggera, kunci stereng atau sistem pengesan kenderaan bagi meningkatkan tahap perlindungan.

Kerjasama dan keprihatinan masyarakat adalah penting dalam membantu pihak berkuasa membanteras jenayah serta memastikan keselamatan harta benda sentiasa terpelihara.



## Sebuah syarikat dikenakan kompaun



SEBUAH syarikat dikenakan denda kompaun sebanyak BND1,000 di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021 kerana telah didapati melakukan kesalahan di tempat Projek Kampung Birau, Tutong.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

**TUTONG**, Sabtu, 13 Jun. - Hasil pemantauan dan pemeriksaan Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021.

Syarikat Syazwanes Contractor Sdn. Bhd. dikenakan denda kompaun sebanyak BND1,000 di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021 dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari. Syarikat berkenaan melakukan kesalahan di tempat Projek Kampung Birau, Tutong.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak Syarikat Pemaju dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



# Pastikan makanan selamat dimakan

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Jabatan Penerangan**
**Infografik : Amdelah Haji Tujoh**

**KESELAMATAN** makanan merupakan aspek yang amat penting dalam kehidupan seharian kerana makanan yang selamat bukan sahaja menjamin kesihatan individu, malah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosial dan ekonomi pertumbuhan sesebuah negara. Makanan yang tercemar oleh bakteria, virus, parasit, bahan kimia atau bahan asing boleh menyebabkan pelbagai penyakit bawaan makanan yang memberi kesan kepada kesihatan awam dan produktiviti masyarakat. Makanan yang selamat merupakan asas kepada kehidupan sihat serta berkualiti. Tanpa jaminan keselamatan makanan, risiko penularan penyakit boleh meningkat dan seterusnya menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Justeru, pematuhan terhadap amalan keselamatan makanan perlu dijadikan budaya dalam setiap lapisan masyarakat.

### Tema

Bersempena Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2026 yang disambut pada 7 Jun setiap tahun, Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) dalam perutusannya menyeru seluruh lapisan masyarakat untuk memperbaharui komitmen dalam memastikan makanan yang selamat sentiasa tersedia untuk semua, di mana sahaja.

Dalam perutusan bersempena sambutan tersebut, Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan menjelaskan bahawa tema tahun ini, 'Daripada Beban kepada Penyelesaian - Makanan Selamat di Mana-Mana' (From Burden to Solutions - Safe Food Everywhere), memberi penekanan kepada usaha mencari penyelesaian yang praktikal, berkesan dan mampan dalam menangani cabaran keselamatan makanan di peringkat global.

Menurut Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan, setiap tahun berjuta-juta individu mengalami masalah kesihatan akibat pengambilan makanan yang tercemar oleh bahan pencemar atau mikroorganisma patogen yang dibawa oleh makanan. Walaupun kebanyakan penyakit bawaan makanan boleh dicegah, namun ia masih menjadi antara punca utama yang mengakibatkan kehilangan nyawa, menjejaskan kelangsungan operasi perniagaan serta menghalang pertumbuhan ekonomi.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa cabaran tersebut perlu ditangani secara kolektif melalui pendekatan bersepadu yang melibatkan pelbagai pihak, pendekatan berasaskan sains, inovasi dan teknologi, di samping sistem kawal selia makanan yang kukuh, merupakan antara faktor utama yang mampu mempertingkatkan tahap keselamatan makanan serta melindungi kesihatan awam.

Ujarnya laporan terkini mengenai anggaran penyakit bawaan makanan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) perlu dijadikan asas dalam merangka tindakan yang lebih berkesan begitu juga data dan bukti yang tersedia bukan sekadar dijadikan bahan rujukan, malah perlu diterjemahkan kepada tindakan yang konkrit dan berimpak tinggi bagi memperkukuh sistem keselamatan makanan negara.

Dalam era globalisasi yang menyaksikan perkembangan pesat teknologi, peningkatan perjalanan antarabangsa dan pertumbuhan perdagangan global, sistem makanan kini menjadi semakin kompleks dan saling berkaitan. Keadaan tersebut memerlukan keselamatan makanan diberikan perhatian serius pada setiap peringkat rantaian makanan, bermula daripada proses penanaman, pengeluaran dan pengimportan makanan sehinggalah kepada penyediaan dan pengambilan makanan oleh pengguna.

Oleh yang demikian, tanggungjawab memastikan keselamatan makanan bukan sahaja terletak pada pihak berkuasa, malah merupakan tanggungjawab bersama yang melibatkan petani, pengeluar makanan, pengimport, pengedar, pengendali makanan, peniaga serta pengguna.

Pada masa yang sama, BDFA terus komited memperkukuhkan langkah-langkah kawalan keselamatan makanan melalui kerjasama rentas sektor serta pelaksanaan piawaian yang selaras dengan kehendak antarabangsa. Usaha tersebut turut merangkumi peningkatan kesedaran dan pendidikan dalam kalangan perniagaan makanan dan pengguna, di samping memperkasakan industri makanan melalui pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kapasiti yang diperlukan bagi memenuhi piawaian keselamatan makanan.

Menurutnya lagi, usaha kolektif tersebut akan membantu mewujudkan sistem keselamatan makanan yang lebih mantap dan diyakini oleh seluruh masyarakat di Negara Brunei Darussalam dan menyeru semua pihak agar terus memperkukuh kerjasama, meningkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan keselamatan makanan, menggalakkan inovasi serta membudayakan amalan keselamatan makanan dalam kehidupan seharian.

Dengan komitmen dan kerjasama berterusan daripada semua pihak, hasrat untuk memastikan makanan yang selamat menjadi realiti bagi setiap individu, di mana-mana sahaja, diyakini dapat dicapai demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.

### Risiko penyakit bawaan makanan

Penyakit bawaan makanan boleh berlaku akibat pengendalian makanan yang tidak bersih, penyimpanan makanan pada suhu yang tidak sesuai, penggunaan bahan mentah yang tercemar atau kegagalan mematuhi amalan kebersihan yang baik. Antara gejala yang sering dialami termasuk sakit perut, muntah, cirit-birit, demam dan keracunan makanan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa aspek keselamatan makanan tidak boleh dipandang ringan kerana kesannya bukan sahaja menjejaskan individu yang terlibat, malah memberi impak kepada keluarga, komuniti dan sistem kesihatan negara.

### Amalan pengendalian makanan yang selamat

Hari Keselamatan Makanan Sedunia turut menjadi platform penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai langkah-langkah pencegahan yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. Antara amalan yang disarankan adalah memastikan kebersihan diri sebelum mengendalikan makanan, mencuci tangan dengan menggunakan sabun dan air bersih, membersihkan peralatan dapur serta memastikan kawasan penyediaan makanan sentiasa bersih dan teratur. Selain itu, makanan mentah dan makanan yang telah dimasak hendaklah diasingkan bagi mengelakkan pencemaran silang (*cross contamination*).

Pengguna juga disarankan untuk memasak makanan hingga benar-benar masak, terutama daging, ayam, telur dan makanan laut. Penyimpanan makanan pada suhu yang sesuai juga penting bagi menghalang pertumbuhan mikroorganisma yang boleh menyebabkan keracunan makanan.

Walaupun amalan-amalan tersebut kelihatan mudah, pelaksanaannya secara konsisten mampu memberikan impak yang besar dalam mengurangkan risiko pencemaran makanan serta melindungi kesihatan pengguna.

### Penutup

Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia mengingatkan masyarakat bahawa keselamatan makanan bukan sekadar isu kesihatan awam, malah mempunyai kaitan rapat dengan kestabilan ekonomi, kesejahteraan sosial dan pembangunan mampan negara. Apabila makanan yang selamat dapat dibekalkan secara konsisten, ia membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat, mengurangkan beban sistem kesihatan dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Justeru, keselamatan makanan wajar terus diberi keutamaan sebagai salah satu agenda strategik dalam pembangunan negara. Dengan meningkatkan kesedaran, memperkukuhkan amalan terbaik serta mengamalkan budaya keselamatan makanan dalam kehidupan seharian, masyarakat akan lebih terlindung daripada risiko penyakit bawaan makanan, sekali gus menyumbang kepada pembentukan negara yang sihat, selamat dan sejahtera untuk generasi masa hadapan.





# Pameran interaktif warnai Simposium Seni Bina Islam 2026

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Jabatan Penerangan**

PELBAGAI pameran dan aktiviti interaktif yang mengetengahkan keunikan warisan seni Islam, peranan institusi pembangunan di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta peluang pendidikan dan profesionalisme menjadi tarikan utama sempena Simposium Seni Bina Islam 2026. Berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 10 hingga 14 Jun 2026 yang lalu, pameran di Galeri Istimewa itu antara lain termasuklah pameran tiga seni warisan tradisi dari Republik Islam Iran, iaitu Seni Kaligrafi, Seni Jubin Mozek 'Kashi-Moargh' dan Seni Qalamkari dengan demonstrasi dibawakan khas oleh pakar seni dari Kedutaan Republik Islam Iran ke NBD.

Peluang keemasan ini tidak disia-siakan oleh para pengunjung dengan mengikuti dan mempelajari teknik Seni Khat Kaligrafi yang dipamerkan melalui demonstrasi oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Tuan Yang Terutama Taghi Rajabi. Seni tersebut merupakan karya seni khat Parsi yang sangat terkenal dan teragung dalam warisan budaya Iran. Selain daripada Seni Kaligrafi, demonstrasi Seni Jubin Mozek 'Kashi-Moargh' turut menjadi sebahagian tarikan utama yang memukau para pengunjung. Seni berkenaan dikendalikan secara langsung oleh Tuan Javad Imani, selaku Pegawai Perhubungan Awam di Kedutaan Republik Islam Iran dan juga merupakan Pengasas Irnei Tiles and Decals (*@Irniart*). Penyertaan daripada misi diplomatik, iaitu Kedutaan Republik Iran ke NBD dan Kedutaan Republik Turkiye ke NBD, memberikan jangkauan luar kepada pameran ini melalui perkongsian aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berkaitan dengan hubungan kerjasama dan memperkenalkan budaya seni warisan kepada masyarakat Brunei.

### Penglibatan agensi tempatan

Selain itu pameran yang berinformatif juga disertai oleh beberapa pelbagai agensi kerajaan, institusi pendidikan tinggi, badan profesional dan institusi kewangan tempatan. Dari kalangan agensi-agensi kerajaan yang ikut serta terdiri dari Jabatan Tanah; Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa; Authority on Building, Control and Construction Industry (ABCi); Jabatan Jalan Raya; Jabatan Perkhidmatan Air; Jabatan Saliran dan Pembentungan; Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik, Jabatan Perkhidmatan Teknikal; serta Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan mempamerkan pelbagai inisiatif, perkhidmatan dan projek yang menyokong pembangunan negara secara mampan.

Di samping itu terdapat beberapa badan profesional juga menyertai pameran iaitu dari Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS) dan Architects International Affairs Committee (AIAC) dengan mempamerkan berkaitan dengan peranan profesional dalam industri binaan serta usaha meningkatkan standard dan kecemerlangan amalan profesional di negara ini.

### Penyertaan institusi pendidikan tinggi

Penyertaan institusi pendidikan tinggi, termasuk Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Politeknik Brunei, Institute of Technical Education (IBTE), Kolej International Graduate Studies dan Laksmana College of Business membuka peluang kepada para pengunjung untuk meneroka program akademik, penyelidikan dan laluan kerjaya dalam bidang yang berkaitan dengan pembangunan negara.

Salah satu pameran yang menarik perhatian ialah *proposal* atau cadangan pembinaan bangunan tambahan bagi Pusat Warga Emas iaitu Pusat Antara dan Adaptive Reuse Building di Daerah Tutong, hasil rekaan seorang penuntut tahun akhir UTB, Dayang Nur Azizah @ Izzah binti Mohammad Aziz. Bangunan tambahan rekaan yang dinamakan Pusat Antara itu menumpukan kepada tempat pelbagai aktiviti bagi warga emas yang secara langsung memberi peluang kepada mereka untuk saling berinteraksi sesama mereka.

Reka bentuk bangunan tambahan tersebut juga menyediakan kemudahan tempat tinggal bagi warga emas yang tidak mempunyai penjaga. Tempat tinggal tersebut nanti juga dicadangkan untuk diberikan kemudahan penjagaan yang rapi dengan penyediaan jururawat dan doktor bertauliah.

Manakala Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sebagai institusi kewangan tempatan yang turut serta dalam pameran ini berkongsi maklumat mengenai perkhidmatan kewangan dan inisiatif yang menyokong pembangunan ekonomi serta pertumbuhan sektor profesional dan perniagaan.

Dengan adanya pameran dan aktiviti yang seumpama ini secara tidak langsung memberi peluang kepada para pengunjung untuk menyertai pelbagai aktiviti interaktif, mendapatkan maklumat melalui sesi penerangan, pameran dan demonstrasi yang dikendalikan oleh agensi-agensi yang mengambil bahagian.



BERITA GLOBAL

# POPULASI MENUA, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN BERDEPAN KEKURANGAN PENDERMA DARAH

**BERLIN,** 14 Jun. - Populasi menua Republik Persekutuan Jerman menyebabkan semakin sukar untuk mengekalkan tahap pendermaan darah memandangkan tidak ramai penderma muda menggantikan generasi lebih berusia, menurut Palang Merah Jerman (DRK) menjelang Hari Penderma Darah Sedunia pada Ahad, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

"Kita mempunyai semakin ramai penderma lebih tua dan semakin sedikit orang muda yang datang (untuk menderma darah)," kata Patric Nohe, jurucakap perkhidmatan derma darah DRK, kepada dpa. "Kita mempunyai isu kumpulan orang yang menderma darah semakin berkurangan".

Cabaran ini sebahagiannya didorong oleh perubahan demografi, dengan generasi *baby boomer* berdasarkan sejarah ialah kumpulan penderma darah terbesar dan ramai yang telah menderma secara tetap.

Walaupun Republik Persekutuan Jerman tidak lagi mengenakan had umur untuk menderma darah, ramai penderma yang lebih tua secara beransur-ansur meninggalkan kumpulan penderma kerana keadaan kesihatan yang berkaitan usia, kata Nohe.

DRK turut menghadapi kekurangan bermusim semasa cuti musim panas dan gelombang selesema musim sejuk.

Memperluas pangkalan penderma akan membantu mengimbangi turun naik sedemikian, kata Nohe, sambil menambah individu berumur 30-an dan 40-an masih boleh mula menderma darah.

Menurut DRK, sekitar 15,000 derma darah diperlukan setiap hari di Republik Persekutuan Jerman. - ©BERNAMA

# Syarikat pemula Jepun bangunkan sistem bezakan tulisan manusia dengan teks AI

**TOKYO**, 14 Jun. - Sebuah syarikat pemula Kecerdasan Buatan (AI) di Jepun baru-baru ini membangunkan sistem yang boleh membezakan sama ada kertas akademik ditulis manusia atau dijana AI, dengan harapan ia dapat digunakan secara lebih meluas oleh institusi akademik, lapor Kyodo News.

Sistem pengenalpastian dikenali sebagai 'Puddin AI' itu dibangunkan oleh Valar Intelligence, sebuah syarikat pemula berpangkalan di Osaka, dan memerlukan pengguna menulis serta menyerahkan kertas mereka menerusi platform berkenaan.

Menurut syarikat itu, Kyushu University telah menggunakan sistem berkenaan secara percubaan dalam kelas, manakala puluhan universiti lain sedang mempertimbangkan penggunaannya.

Sistem itu memberi tumpuan kepada proses penulisan dengan merekodkan masa pengguna mula menulis, kelajuan menaip dan susunan kronologi semakan yang dibuat.

Apabila butang pengenalpastian ditekan, sistem itu menilai tahap "ciri kemanusiaan" sesuatu penulisan menggunakan kira-kira 200 petunjuk, termasuk kesalahan ejaan lazim manusia, jeda semasa menulis dan anggaran masa yang lazim diperlukan untuk menghasilkan sesuatu penulisan.

Menyalin dan menampal karangan yang dijana AI akan memendekkan proses penulisan dengan ketara, sekali gus membolehkan sistem menentukan bahawa sesuatu teks itu bukan dihasilkan manusia.

Keputusan analisis dibahagikan kepada tiga kategori iaitu AI, disokong AI dan manusia.

Menurut pembangun, sistem itu menyokong bahasa Jepun, Inggeris dan empat bahasa lain serta boleh menganalisis tugasan universiti, kertas akademik dan dokumen korporat.

Profesor Madya Ekonomi Tenaga di Kyushu University, Andrew John Chapman berkata beliau mahu pelajar meluangkan masa dan menyiapkan tugasan mereka sendiri.

"Sistem ini boleh mengesahkan keaslian sesuatu hasil kerja, sekali gus membolehkan penilaian yang adil," katanya. - ©BERNAMA

# UMK bangunkan teknologi pelembutan tulang terubuk, tingkat potensi komersial

**KOTA BHARU,** 13 Jun. - Penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya membangunkan teknologi inovatif pelembutan tulang ikan terubuk, yang membolehkan ikan itu dimakan bersama tulangnya dengan selamat tanpa menjejaskan rasa, tekstur dan nilai pemakanan.

Ketua projek, Profesor Dr. Raja Suzana Raja Kasim berkata teknologi yang dibangunkan menerusi kerjasama strategik dengan syarikat SM Qlazsixco Sdn. Bhd. di bawah Program Padanan Industri Fasa 3 Tahun 2024 (IMaP 3.0) itu menggunakan kaedah Pemprosesan Tekanan Tinggi, yang digabungkan dengan rawatan haba terkawal.

Beliau berkata kajian yang bermula pada April 2024 itu berjaya mengurangkan masa pemprosesan berbanding kaedah konvensional selain meningkatkan kapasiti pengeluaran secara lebih konsisten dan cekap untuk tujuan pengkomersialan.

"Teknologi ini dapat memastikan tekstur, rasa dan kandungan nutrisi produk dikekalkan, selain menghasilkan produk makanan sedia dimakan yang lebih selamat, berkualiti tinggi dan mempunyai jangka hayat simpanan lebih panjang.

"Inovasi itu berjaya mengatasi cabaran utama ikan terubuk yang terkenal dengan tulang halus yang banyak, sekali gus meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna serta memberikan nilai tambah kepada industri pemprosesan makanan berasaskan perikanan," katanya kepada Bernama, baru-baru ini.

Raja Suzana berkata kejayaan penyelidikan itu turut menghasilkan dua pemfailan paten berkaitan teknologi pelembutan tulang ikan menggunakan kaedah HPP, sekali gus membuktikan potensi besar inovasi berkenaan untuk dikomersialkan pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Beliau berkata syarikat SM Qlazsixco Sdn. Bhd. memainkan peranan penting dalam penyediaan geran padanan industri, pembangunan serta pengujian produk pada peringkat industri, selain membantu mempercepat proses pengkomersialan teknologi yang dibangunkan.

Selain membangunkan teknologi berkenaan, syarikat itu turut menghasilkan pelbagai produk hiliran berasaskan ikan terubuk, termasuk sambal ikan terubuk, terubuk asam pedas, terubuk kari, terubuk rendang dan terubuk gulai tempoyak, dengan 10 produk telah memperoleh pensijilan halal bagi memperluas pasaran tempatan dan antarabangsa. - ©BERNAMA

# Bank Dunia turunkan unjuran pertumbuhan global 2026 kepada 2.5 peratus

**NEW YORK,** 13 Jun. - Bank Dunia menurunkan unjuran pertumbuhan global kepada 2.5 peratus bagi 2026 pada Khamis, daripada 2.9 peratus pada 2025, sekali gus mencatatkan kadar terendah sejak akhir 2019, lapor Agensi Berita Xinhua.

Laporan Prospek Ekonomi Global separuh tahun bank itu memetik faktor kenaikan harga tenaga, inflasi yang lebih tinggi dan peningkatan kos pinjaman di tengah-tengah konflik Asia Barat sebagai punca kepada pengurangan unjuran pertumbuhan berkenaan.

Laporan itu turut memberi amaran bahawa risiko kemerosotan adalah signifikan. Pertumbuhan global boleh terus menyederhana kepada 2.1 peratus jika gangguan bekalan tenaga berlarutan lebih lama dan harga minyak secara purata mencecah US$115 setong tahun ini, yang akan memacu inflasi kepada 4.4 peratus.

Laporan berkenaan menurunkan unjuran pertumbuhan bagi dua pertiga negara berbanding laporan Januari tahun ini, dengan negara-negara Teluk mencatatkan pengurangan paling besar daripada 3.9 peratus pada 2025 kepada hampir sifar pada 2026.

Asia Selatan pula dijangka mencatatkan pertumbuhan paling kukuh berbanding mana-mana wilayah lain pada kadar 6.3 peratus bagi tahun 2026, walaupun angka itu menunjukkan penurunan berbanding tujuh peratus pada 2025.

Selain itu, laporan berkenaan mengekalkan unjuran pertumbuhan sebanyak 2.2 peratus bagi ekonomi Amerika Syarikat (AS) pada 2026, biarpun ia menarik perhatian bahawa angka terbabit boleh menyusut kepada 2.1 peratus pada 2027 dan dua peratus pada 2028.

Ekonomi di zon euro pula dijangka berkembang pada kadar 0.8 peratus pada 2026, turun daripada 1.4 peratus pada 2025. Bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Jepun, ia diunjurkan berkembang 0.7 peratus pada 2026 berbanding 1.1 peratus pada 2025.

Bank Dunia menjangkakan pertumbuhan global kembali meningkat kepada 2.8 peratus pada 2027, namun kadar itu kekal 0.4 mata peratusan di bawah purata yang direkodkan pada dekad 2010-an.

Walaupun risiko terus memihak kepada kemerosotan ekoran peningkatan permusuhan, gangguan pasaran komoditi dan ketegangan geopolitik yang bertambah, pihak bank menegaskan bahawa tindakan dasar adalah sangat kritikal.

Pada peringkat global, Bank Dunia menggesa negara-negara terbabit untuk melindungi keselamatan tenaga dan makanan serta memajukan peralihan tenaga. Bagi peringkat domestik pula, semua negara digesa mengawal inflasi, memperkukuh kemampanan fiskal dan menyokong pewujudan peluang pekerjaan. - ©BERNAMA

# Insiden tembakan di Texas ragut 2 nyawa, 10 cedera

**NEW YORK**, 13 Jun. - Satu insiden tembakan di Midland, negeri Texas, Amerika Syarikat (AS) mengorbankan dua individu dan mencederakan 10 yang lain pada pagi Jumaat, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Seorang mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian manakala suspek turut disahkan maut selepas berdepan pihak berkuasa, kata Datuk Bandar Midland Lori Blong.

"Insiden penembak aktif telah diselesaikan dan suspek disahkan meninggal dunia," menurut kenyataan pihak berkuasa Bandar Midland di Facebook.

Insiden tembakan itu bermula di tenggara Midland sebelum melarat ke bahagian selatan bandar itu.

Sembilan mangsa dibawa ke Hospital Memorial Midland dengan empat daripadanya menjalani pembedahan, kata jurucakap hospital berkenaan. Lima mangsa yang berada dalam keadaan stabil telah dibenarkan keluar dari hospital.

Suspek, Victor Mata Villarreal, 45, dikehendaki pihak berkuasa atas tuduhan cubaan membunuh pegawai polis selepas didakwa melepaskan beberapa das tembakan ke arah polis pada Rabu, menurut Jabatan Keselamatan Awam Texas. - ©BERNAMA

# Angka korban gempa bumi di selatan Republik Filipina meningkat kepada 61

**ISTANBUL**, 13 Jun. - Angka korban akibat gempa bumi kuat yang melanda selatan Republik Filipina awal minggu ini meningkat kepada 61 orang, menurut pihak berkuasa pada Sabtu ketika pasukan mencari dan menyelamat (SAR) meneruskan operasi di kawasan paling teruk terjejas di Mindanao, lapor Anadolu Ajansi.

Pejabat Pertahanan Awam (OCD) memaklumkan jumlah kematian meningkat selepas lebih banyak mayat ditemukan di kawasan yang terjejas.

Penyiar GMA News melaporkan seramai 33 orang masih hilang manakala 1,221 lagi cedera.

Pihak berkuasa memaklumkan operasi SAR dan mengeluarkan mangsa masih diteruskan ketika anggota pasukan kecemasan terus mencari mangsa terselamat serta mengeluarkan mangsa yang terperangkap akibat tanah runtuh dan struktur yang runtuh.

Menurut Pusat Pemantauan dan Maklumat Operasi Respons Bencana (DROMIC), gempa bumi itu menjejaskan 553,068 penduduk di wilayah Mindanao.

Philippine Daily Inquirer melaporkan, kira-kira 9,393 orang ditempatkan di pusat pemindahan sementara manakala 54,274 lagi mendapatkan perlindungan sementara bersama saudara-mara dan rakan di luar pusat pemindahan rasmi.

Penilaian awal kerosakan menunjukkan sebanyak 8,865 rumah musnah manakala 36,691 lagi mengalami kerosakan separa.

Usaha menyelamat terjejas akibat gegaran susulan, bangunan tidak stabil dan jalan raya yang rosak, sekali gus menyukarkan petugas bantuan untuk sampai ke beberapa komuniti terjejas.

Gempa bumi bermagnitud 7.8 itu melanda kawasan luar pantai Mindanao awal minggu ini, mencetuskan panik yang meluas serta menyebabkan kerosakan besar pada rumah, sekolah, hospital dan infrastruktur awam.

General Santos City dan beberapa kawasan di wilayah Sarangani merupakan antara kawasan paling teruk terjejas, sekali gus mendorong pihak berkuasa mengisytiharkan darurat bencana bagi mempercepat usaha bantuan dan pemulihan. - ©BERNAMA

# MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN, MENGGALAKKAN GAYA HIDUP SIHAT

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto: Hernie Suliana Haji Othman, Ihsan Majlis Perundingan Mukim Lumapas**






**SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Hari Keluarga Mukim Lumapas Tahun 2026, bertempat di padang Sekolah Rendah Lumapas (atas). Manakala gambar kiri, antara aktiviti menarik semasa acara berkenaan.**

**LUMAPAS,** Ahad, 14 Jun, – Majlis Perundingan Mukim (MPM) Lumapas dengan kerjasama majlis-majlis perundingan kampung di bawah Mukim Lumapas, Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Rendah Lumapas hari ini menganjurkan Sambutan Hari Keluarga Mukim Lumapas Tahun 2026, bertempat di padang Sekolah Rendah Lumapas.

Acara berkenaan diadakan bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan seluruh penduduk Mukim Lumapas, memupuk semangat perpaduan serta menggalakkan gaya hidup sihat melalui pelbagai aktiviti kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, juga Penghulu Mukim Lumapas, Daerah Brunei dan Muara.

Majlis dimulakan dengan acara perasmian yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, sekali gus menandakan pembukaan rasmi Sambutan Hari Keluarga Mukim Lumapas Tahun 2026.

Sepanjang program berlangsung, para peserta dan pengunjung berpeluang menyertai pelbagai aktiviti menarik seperti sukan ria, permainan tradisional, pertandingan keluarga dan reruai jualan usahawan tempatan serta aktiviti santai yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

Pelbagai aktiviti dan pertandingan yang disusun bagi memberi peluang kepada para penduduk daripada pelbagai peringkat usia untuk mengambil bahagian.

Acara-acara berkenaan bukan sahaja menguji kemahiran dan kerjasama peserta, malah turut menceriakan suasana sepanjang sambutan berlangsung.

Sambutan Hari Keluarga Mukim Lumapas berkenaan akan terus menjadi acara tahunan yang dinanti-nantikan dan mampu memperkukuh lagi semangat muafakat, kerjasama dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat.

Sambutan berkenaan diharap akan terus menjadi platform yang berkesan dalam mengukuhkan hubungan kejiranan serta memupuk semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat Mukim Lumapas.

## Perasmian gelanggang Pickleball baharu




**PEMBUKAAN rasmi gelanggang Pickle Avenue diselajurkan dengan perlawanan persahabatan antara Kelab Aroo Pickle (Brunei) dan PCC Hefty Pickleball Club dari Kuching, Sarawak.**

**Berita dan Foto : Ihsan Kelab Aroo Pickle**

**SELAYUN,** Sabtu, 13 Jun. - Pembukaan rasmi gelanggang Pickleball yang baharu iaitu Pickle Avenue telah dirasmikan sekali gus diadakan perlawanan persahabatan dari Kelab Aroo Pickle (Brunei) dan PCC Hefty Pickleball Club dari Kuching, Sarawak.

Kedatangan pemain dari kelab Kuching, Sarawak yang terdiri daripada 12 pemain telah memeriahkan lagi kerancakan Pickleball di Negara Brunei Darussalam (NBD). Perlawanan Pickleball Persahabatan ini telah berlangsung di Gelanggang Pickle Avenue, Selayun Jerudong.

Seramai 24 pemain daripada kedua-dua buah negara telah mengikuti Perlawanan Pickleball Persahabatan yang terdiri daripada pemain daripada Pasukan Aroo Pickle (Brunei) dan pemain-pemain daripada PCC Hefty Pickleball Club.

Pada kembara pertama PCC Hefty Oickle Club dari Kuching, Sarawak ke NBD telah memilih Kelab Aroo Pickle bagi membuat perlawanan persahabatan pada peringkat Borneo. Objektif utama Perlawanan Pickleball Persahabatan ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahim serta rangkaian persahabatan pada peringkat Borneo melalui aktiviti sukan yang telah lama dipraktikkan sekali gus menyahut saranan kerajaan 'Menuju ke Arah Warga Sihat' khususnya kepada generasi baharu.

Perancangan ke hadapan Pasukan Aroo ingin meneruskan Kembara Pickleball ke wilayah Borneo yang lain dalam masa terdekat.

## Cungkil bakat, potensi pemain bola jaring

**Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 13 Jun. - Kejohanan Cabaran Bola Jaring Yakin 2026 menjadi platform terbaik untuk mencungkil bakat dan meningkatkan prestasi para pemain bola jaring di negara ini.

Kejohanan berkenaan telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yakin Football League (YFL), Dayang Hernah Nur Imani binti Haji Muhd. Jeffrey, bertempat di Forum Building, Gadong baru-baru ini.

Kejohanan yang mendapat sokongan daripada Persatuan Bola Jaring Brunei (BNA) berkenaan menyaksikan sebanyak 14 pasukan menyahut cabaran kejohanan sekali gus menggambarkan sambutan yang positif terhadap perkembangan bola jaring di negara ini.

Pemangku Pengurus Am YFL, Awangku Mohd. Adam Zikry Pengiran Zamri berkata, YFL telah membuka lebih banyak ruang dalam memperkembangkan dimensi sukan di negara ini dengan julung kalinya menganjurkan kejohanan sukan popular wanita.

Jelasnya, kami yakin kejohanan berkenaan akan membantu para pemain berpotensi untuk menyerlahkan bakat mereka sepanjang cabaran berkenaan diadakan.

Menurutnya lagi, YFL menerusi Yakin Sports sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan sukan di negara ini sebagai sebahagian daripada komitmen untuk memperkembangkan pelbagai jenis sukan.

"Semua pasukan diharapkan agar memberikan komitmen terbaik, mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan, serta menjunjung tinggi nilai hormat-menghormati dan semangat *fair play* sepanjang kejohanan berlangsung," ujarnya lagi.

Hadir menyaksikan majlis berkenaan, Pengerusi YFL, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang; dan Setiausaha Agung BNA, Dayang Hajah Nurmah binti Haji Jumaat.

Pada majlis berkenaan, Dayang Hernah Nur Imani turut menyampaikan sijil penghargaan kepada BNA atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kejohanan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif YFL pula menyerahkan jersi rasmi pasukan Yakeen Netball Club yang akan menyertai kejohanan berkenaan pada hujung minggu ini.




**KETUA Pegawai Eksekutif Yakin Football League (YFL), Dayang Hernah Nur Imani binti Haji Muhd. Jeffrey semasa merasmikan Kejohanan Cabaran Bola Jaring Yakin 2026. Juga hadir, Pengerusi YFL dan Setiausaha Agung BNA.**

Pelita Brunei




ePaper Pelita Brunei

# BROS EXTREME JR JUARA PERTANDINGAN TARIK KALAT TERBUKA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG**, Ahad, 14 Jun. – Pasukan Bros Extreme JR rangkul gelaran juara pada Pertandingan Tarik Kalat Terbuka anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Panchor yang berlangsung di kawasan Padang Pentas Diraja, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, di sini.

Juara membawa pulang piala dan wang tunai berjumlah BND400.

Sementara naib juara disandang oleh pasukan Bearhill Tuggers yang menerima piala berserta wang tunai berjumlah BND300.

Manakala pemenang tempat ketiga menjadi milik bersama pasukan Seladang Bison dan pasukan Budiman Tuggers 'B', yang masing-masing menerima piala sebagai penghargaan atas pencapaian mereka dalam pertandingan berkenaan serta wang tunai berjumlah BND200.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Sebanyak 10 pasukan telah mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan yang berjaya menarik penyertaan peminat dan penggiat sukan tarik kalat daripada pelbagai kawasan.

Penganjuran pertandingan berkenaan merupakan salah satu inisiatif MPK Panchor dalam memperkukuh pembangunan komuniti melalui aktiviti sukan dan rekreasi yang sihat serta berdaya saing.

Pertandingan berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk memperkembangkan sukan tarik kalat di Daerah Tutong, malah berperanan sebagai platform untuk mengeratkan silaturahim antara ahli MPK Panchor, komuniti setempat dan para penggiat sukan berkenaan.

Selain itu, acara tersebut juga menjadi medan persediaan bagi atlet-atlet tempatan untuk menyertai pertandingan yang lebih kompetitif di peringkat daerah, kebangsaan dan antarabangsa pada masa hadapan.

Penganjuran acara berkenaan turut memberikan impak positif kepada aspek sosial, budaya dan ekonomi masyarakat setempat.

Kehadiran peserta serta pengunjung membuka peluang kepada para penjaja dan peniaga tempatan untuk menjana pendapatan, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi mikro dalam kalangan penduduk kampung dan Daerah Tutong secara amnya.




**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.**

Melalui penganjuran aktiviti seperti berkenaan, MPK Panchor berharap dapat terus memupuk semangat perpaduan, kerjasama dan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, acara berkenaan juga berupaya meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan kesejahteraan persekitaran komuniti serta memperkukuh pembangunan masyarakat yang aktif, bersatu padu dan berdaya tahan.

# 14 pasukan bersaing dalam Kejohanan Cabaran Bola Jaring Yakin 2026

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

**BERAKAS,** Ahad, 14 Jun. - Sebanyak 14 buah pasukan menyahut Kejohanan Cabaran Bola Jaring Yakin 2026 dengan menampilkan aksi persaingan untuk merebut tempat ke peringkat separuh akhir.

Pasukan Crushers yang berjaya memperoleh 18 mata dan Yakeen NC mengutip 15 mata mewakili Kumpulan A mara ke peringkat separuh akhir, manakala pasukan Unified NT dan Netseeker turut mewakili Kumpulan B melangkah ke separuh akhir yang akan diadakan pada minggu depan.



Terdahulu, kejohanan anjuran Yakin Football League dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Brunei (BNA) itu telah dirasmikan pagi tadi oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yakin Football League, Dayang Hernah Nur Imani Md. Jeffery, bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Kejohanan yang dibahagikan kepada dua kumpulan menyaksikan pasukan Netseeker, Foxx Warriors, Unified NT, Crushers, F19 Wildside, Fraternity dan Sharif Ali NT berada dalam Kumpulan A.

Sementara itu, Kumpulan B diwakili oleh pasukan TTA, Venom Vexins, Humble Netters, N&C Team, Yakeen NC, Mad Divas dan Foxx Warriors Hoshi.

Kejohanan ini dihasrat untuk menggilap potensi pemain-pemain muda bagi menyerlahkan bakat mereka pada kejohanan tersebut.



**KETUA Pegawai Eksekutif Yakin Football League, Dayang Hernah Nur Imani Md. Jeffery hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta yang menyertai kejohanan tersebut (atas). Sementara gambar kiri, antara aksi semasa berlangsungnya perlawanan pada kejohanan berkenaan.**

Ketua Pegawai Eksekutif Yakin Football League berkata, menerusi kejohanan ini dapat meningkatkan pembangunan sukan di negara, khususnya dalam sukan bola jaring.

Hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Pengerusi YFL, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dan Setiausaha Agung BNA, Dayang Hajah Nurmah binti Haji Jumaat.